

**Penggunaan Kredit Peribadi Oleh
Kaum Cina, Sikap Dan Amalan :
Kes Kampung Bahru Kahang.**

Chan Geok Ling
No Matrik : 057654

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
Sesi 1991/92

SINOPSIS

Kajian yang dijalankan di Kampung Bahru Kahang ini bertujuan memahami sikap dan amalan kredit penduduk-penduduk dalam membeli barangan konsumer.

Dalam bab pertama, definisi-definisi konsep dan maksud tajuk dijelaskan. Kemudian diterangkan masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kaedah kajian, bagaimana sampel dipilih dan akhir sekali kesukaran yang dihadapi semasa menjalankan kajian dinyatakan.

Untuk bab kedua, lokasi dan latar belakang tempat kajian dinyatakan. Dalam pada itu dinyatakan juga sejarah penubuhan kampung baru ini. Keadaan kehidupan dan taraf hidup penduduk dinyatakan dengan panjang lebar dalam bab ini.

Selanjutnya bab ketiga, menjelaskan kaitan jaringan hubungan sosial dan sumber kredit. Hubungan sosial di dalam dan di luar keluarga diterangkan. Sumber-sumber kredit penduduk yang boleh dibahagikan kepada sumber formal dan informal juga dinyatakan dalam bab ini. Bab ini juga menunjukkan bagaimana hubungan sosial diterjemahkan dalam penggunaan kredit dalam kampung ini.

Dalam bab keempat, dinyatakan sikap dan amalan kredit penduduk kampung. Faktor-faktor yang menyebabkan sikap dan amalan juga diterangkan dimana boleh dibahagikan kepada faktor ekonomi dan faktor sosial. Kemudian, masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk dalam penggunaan kredit juga dinyatakan iaitu masalah-masalah yang dihadapi oleh

pihak peminjam dan pemberi pinjaman.

Dalam bab akhir, kesimpulan dan penemuan dinyatakan. Ini penting untuk memahami sikap dan amalan penduduk dalam pembelian barangan konsumer.

DAFTAR ISI

| | |
|---|----|
| BAB I PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 TAJUK KAJIAN | 1 |
| 1.2 RUMUSAN PROBLEM PERKARA | 1 |
| 1.2.1 OBJEKTIF | 1 |
| 1.2.2 KERTUAN PERKARA | 2 |
| 1.2.3 SUDUT BELAKANG | 3 |
| 1.3 KAJIAN KAJIAN | 4 |
| 1.4 OBJEKTIF KAJIAN | 5 |
| 1.5 KEPERTINGINAN | 6 |
| 1.6 SAJARAN KAJIAN | 7 |
| 1.7 FINANSIAL | 10 |
| 1.8 KAJIAN KERTUAN MENJALARKAN KAJIAN | 11 |
| 1.8.1 MASALAH ETAK WADANG DAN TOLAK KERTUAN | 11 |
| 1.8.2 MASALAH MENEMUKAN BARANG KERTUAN | 12 |
| 1.8.3 MASALAH GANGGUAN | 13 |
| NOTA | 14 |
| BAB II KAJIAN KERTUAN | 15 |
| 2.1 PENGERTIAN | 15 |
| 2.2 KERTUAN | 16 |
| 2.3 PENGERTIAN | 17 |

KANDUNGAN

| | | |
|-------------|-------|------|
| PENGHARGAAN | ----- | (i) |
| SINOPSIS | ----- | (ii) |
| KANDUNGAN | ----- | (iv) |

| <u>BAB 1 : PENDAHULUAN</u> | <u>MUKA SURAT</u> |
|---|-------------------|
| 1.1 : TAJUK KAJIAN | 1 |
| 1.2 : DEFINISI KREDIT PERIBADI | 1 |
| 1.2.1 : SEJARAH | 1 |
| 1.2.2 : KREDIT PERIBADI | 2 |
| 1.2.3 : SEWA BELI | 4 |
| 1.3 : MASALAH KAJIAN | 4 |
| 1.4 : OBJEKTIF KAJIAN | 5 |
| 1.5 : KEPENTINGAN KAJIAN | 6 |
| 1.6 : KAEDAH KAJIAN | 6 |
| 1.7 : SAMPEL | 10 |
| 1.8 : MASALAH KETIKA MENJALANKAN KAJIAN | 11 |
| 1.8.1 : MASALAH SYAK WASANGKA DAN TIDAK KERJASAMA | 11 |
| 1.8.2 : MASALAH MEMAHAMI BAHASA MALAYSIA | 13 |
| 1.8.3 : MASALAH GANGGUAN | 13 |
| NOTA | 16 |
| | |
| <u>BAB 2 : LATAR BELAKANG</u> | 18 |
| 2.1 : PENGENALAN | 18 |
| 2.2 : LOKASI | 18 |
| 2.3 : PENTADBIRAN | 20 |

| | | |
|-----------------------|--|-----------|
| 2.4 : | DEMOGRAFI | 20 |
| 2.5 : | PENDIDIKAN | 21 |
| 2.5.1 : | SEJARAH SEKOLAH RENDAH | 21 |
| 2.5.2 : | SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KAHANG | 22 |
| 2.5.3 : | TARAF PENDIDIKAN PENDUDUK | 23 |
| 2.5.4 : | GENERASI MUDA | 24 |
| 2.6 : | BAHASA | 24 |
| 2.7 : | PEKERJAAN | 26 |
| 2.8 : | HIBURAN DAN HUBUNGAN SOSIAL | 29 |
| 2.8.1 : | MENONTON TELEVISYEN | 29 |
| 2.8.2 : | JUDI | 30 |
| 2.8.3 : | SENAMAN | 33 |
| 2.8.4 : | BERBUAL-BUAL DI KEDAI KOPI | 33 |
| 2.8.5 : | GANG-GANG INFORMAL | 33 |
| 2.9 : | AGAMA DAN KEPERCAYAAN | 34 |
| 2.10 : | TARAF HIDUP | 36 |
| NOTA | | 39 |
| <u>BAB 3 :</u> | <u>JARINGAN SOSIAL DAN SUMBER KREDIT</u> | 41 |
| 3.1 : | HUBUNGAN DALAM KELUARGA | 41 |
| 3.2 : | HUBUNGAN SOSIAL | 43 |
| 3.2.1 : | PERSANAKAN | 43 |
| 3.2.2 : | PERSAHABATAN | 43 |
| 3.2.3 : | JIRANTETANGGA | 44 |
| 3.2.4 : | EKONOMI | 44 |
| 3.3 : | SUMBER KREDIT | 45 |
| 3.3.1 : | KUTU | 47 |

| | |
|---|----|
| 3.3.2 : AHLI KELUARGA | 51 |
| 3.3.3 : RAKAN | 53 |
| 3.3.4 : SUMBER KREDIT INFORMAL YANG LAIN | 54 |
| 3.3.5 : BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN | 56 |
| 3.4 : SUMBER KREDIT BAGI PENIAGA | 57 |
| NOTA | 62 |
| | |
| <u>BAB 4 : SIKAP DAN AMALAN KREDIT</u> | 63 |
| 4.1 : SIKAP TERHADAP KREDIT | 63 |
| 4.1.1 : KESANGGUPAN KREDIT | 65 |
| 4.2 : AMALAN KREDIT | 68 |
| 4.3 : FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP DAN AMALAN | 71 |
| 4.3.1 : FAKTOR EKONOMI | 71 |
| 4.3.2 : FAKTOR SOSIAL | 76 |
| 4.4 : MASALAH | 77 |
| 4.4.1 : MASALAH PEMINJAM | 77 |
| 4.4.2 : MASALAH PEMBERI PINJAMAN | 79 |
| | |
| <u>BAB 5 : PENUTUP</u> | 80 |
| | |
| <u>JADUAL/RAJAH</u> | |
| JADUAL 2.1 : STRUKTOR UMUR | 23 |
| JADUAL 2.1 : PEKERJAAN PENDUDUK | 27 |
| JADUAL 2.3 : KELUARGA YANG MEMPUNYAI ALAT-ALAT ELEKTRIK | 36 |
| JADUAL 2.4 : KELUARGA YANG MEMPUNYAI ALAT-ALAT ELEKTRIK REKREASI | 37 |

| | |
|--|--------|
| JADUAL 3.1 : JUMLAH DAN SUMBER KREDIT | 42 |
| JADUAL 3.2 : HAD SANGGUP BELI SECARA TUNAI | 45 |
| JADUAL 3.3 : BILANGAN ANAK YANG BEKERJA | 46 |
| JADUAL 3.4 : JUMLAH WANG YANG DIPEROLEHI DARI KUTU | 48 |
| JADUAL 3.5 : JENIS DAN BILANGAN KEDAI | 58 |
| JADUAL 4.1 : SIKAP DAN AMALAN | 65 |
| JADUAL 4.2 : KESANGGUPAN KREDIT | 66 |
| JADUAL 4.3 : CARA BELI ALAT LETRIK | 70 |
| JADUAL 4.4 : PENDAPATAN DARI PEKERJAAN UTAMA | 72 |
| JADUAL 4.5 : TANGGUNGAN KELUARGA | 73 |
| JADUAL 4.6 : KEBANYAKAN PENDUDUK BUKAN KAKITANGAN KERAJAAN | 74 |
| RAJAH 5.1 : GAMBARAN YANG MENUNJUKKAN LALUAN KREDIT PENDUDUK | 87 |
| BIBLIOGRAFI | 90 |
| <u>LAMPIRAN-LAMPIRAN</u> | |
| LAMPIRAN I : 'A GUIDE TO HIRE PURCHASE' | 92 |
| LAMPIRAN II : 'LAWS OF MALAYSIA - HIRE PURCHASE ACT, 1967 (REVISED 1978)' | 94 |
| LAMPIRAN III : CARA MEMAIN KUTU | 98 |
| LAMPIRAN IV : BORANG SOAL SELIDIK | 100 |
| PETA I : PETA LAKARAN NEGERI JOHOR D.M | 120 |
| PETA II : PETA KAMPUNG BAHRU KAHANG, PANDANGAN DARI UDARA | 121 |
| PETA III : PETA LAKARAN KAMPUNG BAHRU KAHANG KAWASAN LAMA DAN BARU | 122 |
| PETA IV : PETA LAKARAN KAMPUNG BAHRU KAHANG, TABURAN PENDUDUK MENGIKUT DIALEK | 123 |

| | | |
|----------|---|-----|
| FOTO I | : RUMAH-RUMAH DI TAMAN SRI KAHANG | 124 |
| FOTO II | : SEBAHAGIAN RUMAH-RUMAH DI KAWASAN LAMA | 124 |
| FOTO III | : SALAH SATU SUMBER KREDIT FORMAL DI KAMPUNG | 125 |

University of Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 TAJUK KAJIAN

Penggunaan kredit peribadi oleh kaum Cina, sikap dan amalan: kes Kampung Bahru Kahang.

1.2 DEFINISI KREDIT PERIBADI

1.2.1 SEJARAH

Kredit peribadi adalah satu institusi lama sehingga kurun ke-19, kebanyakan kredit adalah berdasarkan peribadi. Pinjaman yang dapat dibayar balik secara ansuran, bagi membeli barangan konsumer seperti perabot, wujud di Amerika Syarikat pada kurun ke-19. Kredit yang boleh dibayar balik secara ansuran diberi perhatian yang lebih apabila ekonomi pasaran mula berkembang selepas Perang Dunia Pertama. Pengenalan kepada pengeluaran secara besar-besaran telah mengembangkan kredit peribadi dengan pesatnya dalam tahun 1920-an.

Pengeluaran secara besar-besaran boleh berjaya apabila diikuti dengan penggunaan secara besar-besaran. Ia dapat diwujudkan secara memberi kredit konsumer. Tanpa kredit konsumer, pengeluaran dan penggunaan secara besar-besaran tidak dapat dijalankan. Permintaan kepada kredit peribadi bertambah dalam negara yang meningkatkan tahap pengeluaran barangan konsumer dan kredit diperlukan untuk membeli barangan seperti kenderaan, peti sejuk, mesin-mesin membasuh

dan perkakas-perkakas yang lain.

1.2.2 KREDIT PERIBADI

Kredit peribadi adalah kredit yang digunakan untuk membeli barangan dan perkhidmatan bagi kegunaan sendiri dan keluarga tetapi bukan sesuatu kredit untuk perniagaan.

Kredit peribadi adalah kredit yang dapat dibayar balik secara ansuran. Ia merupakan sebahagian daripada hutang individu dalam jangka masa pendek dan jangka masa sederhana.

Seseorang pengguna boleh dapat kredit ini secara memberi cagaran atau gadaian. Ini bermaksud: Kredit peribadi adalah, menerima kredit dengan cagaran atau gadaian. Kredit ini memberi kemudahan kepada pengguna untuk membeli barangan atau perkakas untuk kegunaan keluarga dan kepada alasan peribadi yang lain.

Kredit bukan-ansuran (non-installment Credit) pula berlainan daripada kredit ansuran (installment Credit). Ia termasuk semua pinjaman bayaran tunggal (single-payment loans), 'charge accounts' dan kredit perkhidmatan (service credit).

Contoh kegunaan kredit ansuran adalah pinjaman untuk membeli kereta dan barangan konsumer lain yang tahan lama, pinjaman memperbaiki rumah dan pinjaman peribadi yang lain.

Pinjaman ansuran boleh dibayar balik pada jangka masa tertentu. Dalam pinjaman ansuran, kontrak sering ditandatangani, yang mana akan tertulis bahawa barangan yang dibeli itu bukan merupakan harta sah kepada pembeli itu sehingga setiap bayaran ansuran yang ditentukan itu telah

jelas dibayar.

Kredit, bagi masyarakat moden digunakan untuk barangan mewah, bukan lagi seperti masyarakat tradisi, untuk barang asas yang sangat diperlukan sahaja. Keadaan ini berlaku sebagai satu proses penyesuaian dengan pasaran moden. Dalam masyarakat tradisi, kredit memang telah wujud tetapi dalam bentuk yang berlainan daripada apa yang dilihat pada hari ini. Misalnya, dalam masyarakat zaman dahulu (katakan 40-50 tahun sudah), sesebuah keluarga akan pergi meminjam beras apabila keluarganya tiada beras kerana beras adalah makanan asas. Akan tetapi, pada hari ini, pinjaman bukan lagi setakat beras sahaja, tetapi orang meminjam untuk membeli barang mewah. Dengan kata lain, pada zaman dahulu, orang meminjam barangan, kerana memerlukannya. Akan tetapi kini orang meminjam wang, untuk tujuan kemewahan seperti membeli kereta mewah, barang kemas dan percutian. Di kalangan orang miskin pula, amalan meminjam wang jarang dilakukan. Mereka lebih meminjam barangan keperluan.

Sumber kewangan utama kredit peribadi yang formal adalah institusi kewangan seperti bank komersial, persatuan kredit dan firma kewangan konsumer. Kedai-kedai runcit yang besar seperti 'Department Stores', gedung perabot dan penjual kereta serta perkakas juga memberikan jumlah kredit peribadi yang banyak.

Bilangan kredit peribadi dalam sesebuah negara bergantung kepada keadaan pendapatan dan pekerjaan rakyat, jenis barangan pengeluaran dan peringkat persaingan dalam penjualan barangan ini. Membeli barangan secara kredit

ansuran adalah sesuai kepada mereka yang berpendapatan tetap dan pendapatannya itu mesti cukup tinggi untuk menanggung bayaran barangan konsumer yang agak mahal.⁽¹⁾ Bagi mereka yang tiada pendapatan tinggi dan tetap, maka beli secara kredit adalah tidak sesuai dan jarang diguna oleh mereka.

1.2.3 SEWA BELI

Sewa beli, merupakan salah satu bentuk kredit peribadi yang penting di Malaysia. Ia merupakan penyewaan barangan dengan tujuan ingin beli barangan tersebut. Pembayaran untuk beli barangan itu adalah dibuat dalam bentuk ansuran. Pembeli merupakan penyewa dan pihak penjual merupakan tuanpunya kepada barangan itu. Kuasa hak milik kepada barangan itu akan ditukar ke tangan penyewa setelah segala bayaran wang ansuran telah jelas dibayar. Barangan yang tersenarai di bawah ini adalah barangan sewa beli yang dilindungi oleh pihak Kerajaan Malaysia di bawah Akta Sewabeli 1967 (Pindaan 1978).⁽²⁾

- (1) Kenderaan bermotor
- (2) Set radio, televisyen, perakam 'tape' dan sebarang alat 'combination thereof'
- (3) Peti sejuk
- (4) Mesin jahit untuk kegunaan keluarga

1.3 MASALAH KAJIAN

Kajian ini akan melihat sikap dan amalan masyarakat Cina di kampung Bahru dalam hal penggunaan kredit. Antara yang akan dikaji ialah faktor ekonomi seperti pekerjaan dan

pendapatan, faktor sosial seperti hubungan persaudaraan, jiran tetangga dan status sosial. Kajian cuba melihat hubungan faktor-faktor memainkan peranan dan membentuk sikap dan pola amalan kegunaan kredit.

Dalam sebuah kampung Cina yang kebanyakan penduduknya berpendapatan rendah dan dalam keadaan mereka tiada peluang meminjam yang tinggi, apakah yang akan dilakukan oleh mereka apabila mengalami masalah kekurangan wang? Apakah sumber kredit yang sering digunakan? Apakah faktor yang menyebabkan mereka sanggup meminjam kepada rakan?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengetahui sikap dan amalan penggunaan kredit oleh penduduk-penduduk kampung bahru Cina. Untuk mencari jawapan kepada objektif umum ini, beberapa objektif khusus akan dikaji. Objektif-objektif khusus kajian ini termasuklah :

- (1) Untuk menentukan sikap dan amalan penduduk Cina dalam kampung terhadap penggunaan kredit dan menentukan sama ada mereka lebih menggunakan kredit atau tunai dalam membeli barangan konsumer.
- (2) Untuk mengetahui apakah sumber kredit orang-orang Cina di kampung apabila mereka mengalami kesukaran kewangan. Kajian ini ingin melihat kecenderungan penduduk-penduduk meminjam dari sumber kredit formal atau informal dan mengapakah jenis sumber tersebut digunakan.

- (3) Kajian ini juga ingin menentukan sama ada hubungan sosial memainkan peranan dalam penggunaan kredit oleh penduduk-penduduk di kampung ini.
- (4) Untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan amalan kredit mereka. Adakah faktor ekonomi (seperti pendapatan dan pekerjaan) dan faktor sosial (seperti status sosial) berkaitan dalam hal ini.
- (5) Untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kampung ini apabila mendapatkan dan memberikan kredit.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian awal untuk melihat penggunaan kredit oleh orang-orang Cina di kampung. Dengan ini, dapat membantu memahami sikap, amalan dan masalah-masalah dalam penggunaan kredit dalam masyarakat Cina.

Selain daripada itu, kajian ini juga meninjau latar belakang, sumber kredit dan hubungan sosial di kampung bahru Cina. Jaringan hubungan sosial diteliti dan dikaitkan dengan penggunaan kredit. Maka ini dapat membantu orang ramai memahami secara umum keadaan-keadaan di kampung bahru Cina.

1.6 KAEDAH KAJIAN

Oleh kerana ini adalah satu kajian yang baru, maka data primer didapati dengan mengkaji secara induktif iaitu satu kaedah mengkaji dengan membuat kenyataan umum dari pemerhatian.

Sebelumnya kajian mula dibuat, kajian awal (pilot servey) dilakukan demi mengetahui latar belakang Kampung Bahru Kahang, seperti : bilangan penduduk, bilangan keluarga, jenis pekerjaan dan sejarah kampung ini. Maklumat-maklumat ini diperolehi dengan menemubual secara informal dengan penghulu kampung ini (Encik Lim Kim Chin), yang juga merupakan ketua parti MCA kampung ini; penduduk-penduduk yang lebih tua yang lama tinggal di sini; dan juga guru-guru yang lebih tua di sekolah rendah di kampung ini, di mana mereka dapat menyumbangkan data-data atau maklumat-maklumat mengenai sejarah sekolah tersebut yang merupakan sebahagian daripada sejarah kampung ini.

Kakitangan-kakitangan yang bekerja di Dewan Majlis Kahang juga ditemui dalam kajian awal ini untuk memperolehi data-data dan peta-peta. Akan tetapi, kebanyakan data yang diperlukan tidak didapati kerana menurut keraninya bahawa, mereka tidak menyimpan data-data ini. Peta-peta yang diperolehi dari sini adalah terlalu besar dan tidak sesuai digunakan dalam kajian ini.

Dalam kajian awal, pengkaji juga bergaul dengan penduduk tempatan demi mengurangkan perasaan 'asing' yang akan timbul oleh penduduk-penduduk di sini terhadap pengkaji. Pada tempoh masa ini, pengkaji sering pergi ke tempat orang ramai berkumpul seperti tempat perjudian, pasar dan kedai-kedai demi mengenali lebih ramai orang atau pengkaji 'tunjuk muka'. Ini adalah penting semasa kajian sedang dijalankan di mana perasaan 'asing' akan menjejaskan jawapan yang akan diberi oleh responden.

Dalam kajian ini, kaedah soalselidik digunakan demi memperolehi data kualitatif. Borang soalselidik tidak diberi secara langsung kepada responden tetapi diisi oleh oleh pengkaji dengan membacakan soalan-soalan itu kepada responden. Ini kerana kebanyakan penduduk di sini tidak berpendidikan tinggi dan ada sebahagiannya adalah buta huruf. Oleh itu, mereka tidak mampu membaca soalan-soalan tersebut yang ditulis dalam Bahasa Malaysia. Maka, cara yang paling sesuai adalah pengkaji bacakan soalan-soalan itu kepada mereka (dalam loghat tempatan) sambil menerangkan maksud-maksudnya. Dengan ini, responden-responden dapat memahami soalan-soalan itu dengan lebih baik dan beri jawapan yang lebih relaven.

Menurut Morris Freilich dalam buku 'Marginal Natives : Anthropologists At Work', 1970 mengatakan bahawa kaedah asas melakukan 'fieldwork' adalah pemerhatian-ikutserta. Ini bermaksud memerhatikan tingkahlaku sekumpulan manusia (atau objek) semasa melibatkan diri dalam kehidupan komunitinya. Dalam sains sosial, kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang paling popular dan seringkali digunakan. Orang yang mula-mula sekali menggunakan kaedah ini dalam kajian luar adalah Bronislaw Malinowski.

Oleh kerana kaedah pemerhatian-ikutserta ini merupakan satu kaedah yang asas dan penting, maka ia juga digunakan dalam kajian ini. Oleh kerana pengkaji merupakan 'anak tempatan', maka adalah lebih mudah lagi bagi pengkaji melakukan kaedah ini. Di sepanjang kajian ini, pengkaji sering memerhatikan tingkahlaku penduduk-penduduk di kampung

ini. Perbualan dan soalan sering ditanya kepada mereka demi mengetahui pandangan mereka. Perbualan tersebut boleh berlaku di tempat tinggal mereka atau rumah pengkaji.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada kedua-dua kaedah utama yang tersebut di atas iaitu kaedah soalselidik dan kaedah pemerhatian-ikutserta. Menurut Wan Hashim, 'Gabungan dua kaedah iaitu pemerhatian-ikutserta dan soalselidik, membolehkan seseorang itu melahirkan suatu hasil kajian yang baik'.⁽³⁾ Oleh itu, kedua-dua kaedah ini diutamakan dalam kajian ini.

Selain daripada kedua-dua kaedah yang tersebut di atas, kaedah temuramah informal juga dilakukan. Kaedah ini dilakukan untuk penghulu, golongan peniaga dan penduduk-penduduk demi memperolehi data-data asas seperti latar belakang dan sejarah kampung ini, maklumat yang bersabit dengan iklim perniagaan dan data-data yang tidak akan diperolehi dari soalselidik. Untuk mengetahui keadaan perniagaan di sini, seperti : sumber modal dan jumlah modal, temuramah kepada peniaga dilakukan.

Pengkaji juga buat kajian di perpustakaan untuk mencari idea-idea, teori-teori, peta-peta, undang-undang yang wujud dan definisi-definisi bagi setengah-setengah konsep yang digunakan dalam kajian ini.

Selain daripada itu, kaedah pemerhatian juga digunakan, di mana segala cerita dan keadaan yang didengar dan dilihat oleh pengkaji pada sebelum dan semasa kajian juga digunakan sebagai maklumat dalam kajian ini.

Gabungan pelbagai kaedah yang tersebut di atas digunakan dalam kajian ini kerana taraf pendidikan penduduk di kampung ini adalah rendah, di mana mereka tidak dapat faham soalan dengan baik jika hanya gunakan kaedah soal selidik sahaja dan ada sebahagian soalan sensitif tidak akan dijawab dengan ikhlas oleh mereka. Maka jawapan yang kurang tepat mungkin diperolehi.

1.7 SAMPEL

Kampung Bahru Kahang dapat dibahagikan kepada tiga kawasan geografi iaitu satu kawasan lama (asal) dan dua lagi kawasan baru yang masing-masing berada di selatan dan barat-laut kawasan lama.⁽⁴⁾ Responden-responden adalah dipilih dari ketiga-tiga kawasan ini. Oleh kerana terdapat masalah kesukaran mendapat responden yang rela bekerjasama, maka bilangan responden yang dipilih dari ketiga-tiga kawasan tersebut adalah tidak mengikut peratusan penduduk yang tinggal di situ.

Di samping melakukan kajian untuk latihan ilmiah ini, pengkaji juga melakukan kajian untuk Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya di bawah tajuk yang sama iaitu 'Kajian Kredit Peribadi'. Di bawah kajian ini pengkaji perlu memilih 150 buah keluarga sebagai sampel untuk menjadi responden. Akan tetapi, untuk tujuan latihan ilmiah, hanya 50 buah keluarga dipilih dari 150 buah keluarga untuk dijadikan sebagai sampel responden.⁽⁵⁾

50 buah sampel keluarga ini dipilih secara 'pensampelan sistematik' dari 150 buah sampel keluarga yang telah dibuat

untuk Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. Ini bermaksud $1/3$ daripada responden-responden tersebut akan dipilih sebagai sampel untuk latihan ilmiah pengkaji ($50/150 = 1/3$). Dengan menggunakan kaedah 'pensampelan sistematik', mula-mulanya menyusunkan 150 buah keluarga responden tersebut dengan teratur, kemudian sebuah keluarga responden dipilih dari setiap selang 3 responden, iaitu responden ketiga, keenam, kesembilan, keduabelas dan seterusnya dipilih. Kaedah ini digunakan untuk elakkan bias di mana responden hanya dipilih dari satu kawasan sahaja dari tiga kawasan geografi yang disebutkan sebelum ini.

1.8 MASALAH KETIKA MENJALANKAN KAJIAN

1.8.1 MASALAH SYAK WASANGKA DAN TIDAK KERJASAMA

Masalah yang paling utama ditemui semasa menjalankan kajian adalah responden tidak kerjasama. Sebab yang paling utama menyebabkan ini berlaku adalah kerana mensyaki pengkaji adalah pengintip pihak kerajaan atau salah anggap pengkaji sebagai pegawai yang datang dari Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menyiasat harta-benta mereka. Oleh kerana sebahagian mereka adalah buta huruf dan ramai di antara mereka tidak dapat baca Bahasa Malaysia, maka tidak berguna pengkaji menunjukkan surat pengakuan diri dan kād matrik untuk buktikan identiti pengkaji. Pengkaji hanya dapat menyakinkan mereka dengan menjamin pengkaji tidak akan catitkan nama dan nombor kad pengenalan mereka.

Responden tidak kerjasama juga kerana mereka tidak mengenali pengkaji. Mereka merasai tidak perlu beritahu keadaan kehidupan mereka kepada seseorang yang tidak dikenali. Ramai responden tinggal jauh dari rumah pengkaji di mana mereka tidak mengenali pengkaji. Semakin jauh rumah mereka dari rumah pengkaji, kemungkinan besar semakin tidak kerjasama dengan pengkaji. Apabila menghadapi masalah ini, pengkaji terpaksa beritahu mereka bahawa pengkaji adalah 'anak tempatan' dan sebutkan nama dan tempat tinggal ibu-bapa. Dengan ini dapat mengurangkan perasaan 'asing' responden terhadap pengkaji.

Lebih kurang pada sebulan sebelum pengkaji mulakan kajian lapangan, telah ada seorang penyiasat dari jabatan kerajaan untuk mengutip maklumat-maklumat mengenai harta-benda penduduk di kampung ini. Maka, apabila pengkaji ingin melakukan temubual dengan responden, mereka menolaknya dengan alasan sudah bosan mendengar soalan-soalan yang begitu banyak dan sensitif atau dengan alasan bahawa mereka telah 'disiasat' dan menyuruh pengkaji tidak perlu mengulangi 'siasatan' itu. Masalah ini diatasi dengan beritahu mereka bahawa pengkaji adalah penuntut di universiti dan bukan dari jabatan kerajaan. Tujuan pengkaji adalah berbeza dengan tujuan 'siasatan' kerajaan itu dan pengkaji tiada sebarang perhubungan dengan penyiasat itu.

Responden tidak kerjasama juga kerana sikap rendah diri. Mereka merasa diri mereka tidak berpelajaran tinggi dan tidak sanggup menjawab soalan mahasiswa. Mereka tidak berani membagi jawapan dan pandangan kerana takut salah

jawab. Untuk mengatasi keadaan ini, pengkaji terpaksa menyakinkan mereka bahawa soalan kajian adalah mudah. Pandangan yang diberikan semuanya adalah betul dan tiada jawapan yang salah kerana ia hanya merupakan pandangan seseorang sahaja.

1.8.2 MASALAH MEMAHAMI BAHASA MALAYSIA

Disebabkan majoriti penduduk Cina di kampung ini berpendidikan rendah dan tidak berapa memahami Bahasa Malaysia, maka bahasa loghat tempat (Hokkien) perlu digunakan sepanjang kajian dijalankan dalam menemubualkan mereka. Kadang-kala, Manderin juga digunakan. Oleh kerana inilah, Soalan-soalan dalam soal-selidik yang ditulis dalam Bahasa Malaysia perlu diterjemahkan ke dalam dialek Hokkien atau Manderin semasa temubual dijalankan. Dalam penterjemahan ini, setengah-setengah ayat atau perkataan adalah sukar diterjemahkan kerana dalam dialek Hokkien memang tiada perkataan tersebut. Maka, banyak masa dan tenaga diperlukan untuk menjelaskan perkataan yang sukar difahami oleh mereka. Contohnya perkataan 'kredit', adalah sukar diterjemah dalam dialek Hokkien dengan tepat. Perkataan yang paling dekat dengan maksud 'kredit' adalah 'hutang'. Akan tetapi, perkataan 'hutang' dalam dialek ini akan beri tanggapan yang negatif.

1.8.3 MASALAH GANGGUAN

Semasa temubual dijalankan di rumah responden, sering kali pengkaji menemui masalah gangguan sama ada gangguan

tersebut datang dari pihak anak atau ahli-ahli keluarga mereka. Apabila gangguan berlaku, temubual perlu diberhentikan. Biasanya, responden berhentikan temubual untuk menjeritkan anak-anaknya supaya jangan buat bising atau jangan panjat meja atau sebagainya. Lepas ini, pengkaji baru dapat meneruskan temubual. Sering kali, suatu temubual terpaksa berhenti beberapa kali akibat daripada gangguan tersebut. Gangguan tersebut menjejaskan jawapan mereka kerana mereka mungkin lupa idea-idea yang ingin disampaikan setelah gangguan berlaku. Setelah gangguan berlaku, mereka juga akan merasai tidak selesa dan ingin cepat habiskan temubual dengan pengkaji, maka ini menyebabkan mereka hanya beri jawapan yang ringkas dan tidak memikirkan soalan pengkaji dengan teliti sebelum menjawabnya.

Kadang-kala, responden sedang memasak semasa pengkaji menemuinya. Ini akan mengganggu proses perjalanan temubual kerana mereka sentiasa berjalan ke sana sini. Oleh itu, mereka sering lupa apa yang ditanya oleh pengkaji dan pengkaji terpaksa mengulangi soalan kepada mereka. Dengan ini, banyak masa dibuangkan. Tambahan pula, apabila mereka berjalan ke sana sini, mereka tidak memikirkan soalan pengkaji dengan baik sebelum menjawabnya. Ini menjejaskan kebenaran jawapan.

Semasa temubual dijalankan, setengah-setengah jiran responden yang 'curious' akan datang ke rumah responden untuk mendengar temubual ini. Ini menyebabkan responden tidak berani atau malu beri jawapan benar, terutamanya bagi soalan-soalan sensitif. Untuk mengatasi masalah ini,

pengkaji sering menunjukkan borang soal selidik kepada responden supaya mereka dapat menunjukkan kategori jawapan mereka. (Bagi soalan tertutup sahaja.)

University of Malaya

NOTA :

(1) Diubah suai dari :

Sills, David L. ; International Encyclopedia of the Social Science, Vol. 7, Collier-Mccmillar Publishers, London, 1968. m/s. 354-362

(2) Sila rujuk lampiran I & II

(3) Wan Hashim; Kaedah Penyelidikan Sosial: Satu Rampaian Esei Masalah Kajian Luar; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980. m/s. 53-54

(4) Rujuk peta I, II & III

(5) Di bawah kajian 'Kredit peribadi' yang dilakukan untuk Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, pengkaji perlu memilih 150 buah keluarga sebagai sampel untuk jadi responden. Bagi pengkaji, 150 buah keluarga tersebut dipilih secara jaringan 'snow ball' dan rawak. Dalam kaedah jaringan 'snow ball': mula-mulanya sekumpulan orang yang dikenali ditemuduga. Kemudian, dari mereka kenali lagi responden baru yang lain yang merupakan rakan kepada responden tadi. Lepas itu, dari responden-responden baru itu kenal lagi responden-responden yang lain dan proses ini diulangi. Dalam kajian, pengkaji mula bertemuduga dengan jiran dan sahabat-sahabat ibu-bapa pengkaji. Dari sana, lebih ramai lagi responden dikenali dan ditemuduga. Kaedah

ini digunakan kerana terdapat kesukaran dalam mendapat responden yang ingin kerjasama dengan pengkaji yang tidak dikenali oleh mereka.

Selain daripada kaedah ini, kaedah mendapatkan responden secara rawak juga digunakan. Dalam cara ini, pengkaji pergi satu rumah demi satu rumah untuk dapatkan responden. Akan tetapi, kaedah ini tidak disambut baik. Kebanyakan keluarga menolak untuk ditemuduga. Kaedah ini juga digunakan oleh pengkaji kerana kaedah jaringan 'snow ball' adalah lambat. Dengan menggabungkan kedua-dua cara ini, data boleh diperolehi dengan lebih cepat.

Selain daripada kedua-dua cara di atas, pengkaji juga menggunakan seorang tempatan sebagai 'pembantu' untuk menolong dalam kajian ini supaya proses temuduga dengan responden dapat dijalankan dengan lebih mudah dan lebih cepat. 'Pembantu' tersebut adalah ibu pengkaji. Oleh kerana beliau merupakan seorang bekas guru sekolah rendah di kampung ini, maka ramai penduduk yang mengenalinya. Oleh itu, mereka lebih sudi ditemuduga.

BAB 2

LATAR BELAKANG

2.1 PENGENALAN

Darurat telah diisytiharkan pada 16 Jun, 1948 selepas pemberontakan komunis di Malaya. Pengaruhnya yang paling mendalam adalah penempatan semula kepada beribu-ribu penduduk kampung ke dalam lebih daripada 600 buah kawasan baru.

Dalam tempoh masa ini, General Briggs mencadangkan 'Briggs Plan', telah menempat semulakan semua penduduk yang tinggal bertaburan ke tempat yang baru sebagai satu kampung. Kemudian kampung-kampung tersebut dipagari dan dinamakan sebagai kampung bahru. Dengan ini, kampung bahru telah wujud di negara ini sehingga hari ini. Menurut perangkaan pada tahun 1954, bilangan pusat penempatan semula adalah 480 buah dan populasi yang terlibat adalah kira-kira 572,917 org. Di antaranya, majoriti adalah kaum Cina⁽¹⁾.

2.2 LOKASI

Kahang merupakan sebuah kampung yang terletak di bahagian tengah Negeri Johor Darul Makmur. Ia berada di pertengahan perjalanan antara bandar Kluang dan Mersing. Bandar Kluang merupakan bandar yang terdekat dengannya di mana ia berjarak kira-kira 22 batu jauh dari Kampung Kahang⁽²⁾.

Secara am, Kahang adalah merujuk kepada kawasan dari batu 17 hingga 29 (dikira mula dari Kluang). Manakala

Kampung Bahru Kahang hanya merujuk kepada batu 22 sahaja.

Pada tahun 1930an, 'Kampung Kahang' adalah merujuk kepada batu 26. Sejak darurat, Kampung Kahang yang berada di batu 26 telah dipindah ke batu 22, iaitu penduduk di batu 26 dipindah ke batu 22 dan bergabung dengan penduduk di sana untuk membentuk Kampung Bahru Kahang; dan penduduknya kekal sehingga sekarang.

Berbanding dengan zaman darurat, Kampung Bahru Kahang telah berkembang dari segi saiznya dan bilangan penduduknya. Kini, ia boleh dibahagi kepada dua bahagian kawasan iaitu bahagian kawasan lama dan baru. Kawasan lama merujuk kepada kawasan asal. Kawasan baru pula merujuk kepada kawasan yang dibuka kemudiannya akibat daripada pertambahan populasi di mana kawasan lama tidak mampu lagi menampung penduduk yang kian bertambah. Maka, kawasan baru dibuka untuk mengatasi masalah ini.

Terdapat dua kawasan baru dibuka, satu adalah 'Kawasan Daerah Selatan Kahang'. Penghuni di sini memanggilnya 'Pa-Ong-Choon', dalam bahasa tempatan (Hokkien) bermaksud 'Kampung Raja'. Ini adalah kerana tanah di kawasan baru ini asalnya bukan untuk tujuan pembinaan rumah. Ia adalah bertujuan pertanian. Akan tetapi, Penduduk di sini telah menggunakannya sebagai tanah pembinaan rumah secara haram. Maka, nama 'Kampung Raja' diberi kepada kawasan ini dengan harapan ia seperti tanah raja, tidak akan diganggu oleh sesiapa pun.

Satu lagi kawasan baru di dalam kampung baru ini adalah Taman Sri Kahang. Ia merupakan satu kawasan perumahan yang

sangat baru iaitu baru siap dibina pada tahun 1988⁽³⁾.

2.3 PENTADBIRAN

Secara keseluruhannya, Kahang adalah ditadbir di bawah Majlis Daerah Kluang Utara. Dalam Kampung Bahru Kahang, setiap dua tahun, seorang penghulu akan dilantik oleh Menteri Besar Johor atas cadangan parti politik pentadbir iaitu di kampung ini adalah MCA. Biasanya calon cadangan merupakan ketua atau ahli-ahli jawatan kuasa kepada parti MCA⁽⁴⁾.

Semasa pengkaji sedang buat kajian ini, penghulu sementara di kampung ini adalah Encik Lim Kim Chin. Tanggungjawab beliau telah tamat pada 31 Disember 1990. Dengan kata lain, beliau bukan lagi merupakan penghulu yang sah pada masa ini. Penghulu baru akan dilantik semula. Akan tetapi, sebelum seorang penghulu baru sempat dilantik, beliaulah yang menjadi penghulu sementara⁽⁵⁾.

2.4 DEMOGRAFI

Dari maklumat yang diperolehi dari ketua MCA Kampung Bahru Kahang (iaitu penghulu), didapati bahawa penduduk di kampung ini adalah kira-kira 6,000 orang dan terdapat kira-kira 1,260 buah rumah. Majoriti penduduk adalah kaum Cina.

Di kampung ini, taburan tempat tinggal penduduk mempunyai pola yang tertentu mengikut dialek dan pekerjaan. Penduduk Cina yang berketurunan Kwangtung atau berdialek Kantonis kebanyakan bertabur di kawasan timur-laut kampung ini. Penduduk berdialek Hainan pula lebih cenderung tinggal

di kawasan tenggara yang dekat paya. Di bahagian pusat iaitu kawasan perniagaan, terdapat orang Hokkien, Hakka dan Kantonis, iaitu bermaksud orang ramai kumpul dan berniaga mencari keuntungan di sana⁽⁶⁾. Di kawasan-kawasan lain, terdapat beraneka jenis orang yang bertutur dalam dialek yang berlainan. Akan tetapi, majoriti orang kampung ini merupakan orang Hokkien.

Taburan penduduk juga dipengaruhi oleh jenis pekerjaan. Contohnya penduduk yang tinggal di 'Cha-Long-Lor', dalam dialek Hokkien bermaksud 'Jalan Kilang Papan', kebanyakan bekerja sebagai pekerja pembalakan atau pekerja di kilang papan.

Keadaan ini berlaku mungkin adalah kerana pada masa darurat, semasa perpindahan kampung dari batu 26 ke batu 22, orang ramai lebih cenderung mencari saudara-mara, kawan sekerja atau orang yang berdialek sama dengannya untuk tinggal berdekatan supaya lebih mudah menyesuaikan diri di alam yang baru ini. Melalui masa yang panjang, pola ini telah kurang jelas kelihatan kerana perkembangan saiz penduduk dan melalui perkahwinan. Penduduk-penduduk yang berlainan dialek dan pekerjaan melalui proses penyesuaian, telah bergaul dan pola tempat tinggal lebih bertabur di seluruh kampung ini.

2.5 PENDIDIKAN

2.5.1 SEJARAH SEKOLAH RENDAH

Pada zaman Jepun iaitu pada tahun 1940an, terdapat

sebuah sekolah rendah Cina swasta di batu 26 Kahang yang bernama 'Hwa-Nan'. Pada masa yang sama juga terdapat sebuah sekolah rendah Cina swasta yang bernama 'Kuo-Min' di batu 22 Kahang. Pada lhb. Januari 1952, kedua-dua buah sekolah tersebut bergabung menjadi sebuah sekolah, iaitu sekolah rendah swasta 'Kuo-Nan' di batu 22 Kahang. Pada tahun yang sama, lhb. Julai, 'Kuo-Nan' ditukar namanya menjadi 'Kahang Public School'. Sekolah ini masih merupakan sekolah yang dibiayai oleh pihak swasta⁽⁷⁾. Selepas lima tahun kemerdekaan iaitu pada tahun 1963, nama sekolah rendah swasta ini diubah sekali lagi menjadi 'Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kahang', dan nama ini dikekalkan sehingga sekarang. Sekarang sekolah ini telah menjadi sekolah biayaan kerajaan.

2.5.2 SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) KAHANG

Pada hari ini, sekolah ini mempunyai kira-kira 900 orang murid dengan bilangan guru kira-kira 30 orang. Kebanyakan guru di sekolah ini datang dari tempat lain, seperti negeri : Pahang, Sembilan, Kelantan dan sebagainya. Guru-guru ini tinggal dalam asrama guru yang berada berdekatan dengan sekolah ini.

2.5.3 TARAF PENDIDIKAN PENDUDUK

Dari kajian, didapati kebanyakan penduduk di kampung ini berumur antara 31 hingga 60 tahun. Sila rujuk jadual 2.1:

| Umur | Bilangan Orang | | Jumlah | Peratus(%) |
|--------|----------------|--------|--------|------------|
| | Lelaki | Wanita | | |
| 21-30 | 1 | 8 | 9 | 9.8 |
| 31-40 | 13 | 9 | 22 | 23.9 |
| 41-50 | 10 | 13 | 23 | 25.0 |
| 51-60 | 15 | 12 | 27 | 29.3 |
| 61-70 | 4 | 5 | 9 | 9.8 |
| 71-80 | 1 | 1 | 2 | 2.2 |
| Jumlah | 44 | 48 | 92 | 100.0 |

JADUAL 2.1: STRUKTUR UMUR

Didapati kebanyakan penduduk di kampung ini pernah belajar sekurang-kurangnya ke tahap sekolah rendah Cina. Menurut kajian, didapati 74 orang responden atau 80.4% daripada responden pernah menerima pendidikan sekurang-kurangnya pada tahap sekolah rendah. Manakala 18 orang atau 19.6% daripada responden tidak menerima apa-apa bentuk pendidikan. Bagi mereka yang tidak berpeluang menerima apa-apa bentuk pendidikan, kebanyakan mereka adalah generasi yang lebih tua (lebih daripada 51 tahun), dan kebanyakan mereka adalah kaum wanita⁽⁸⁾. Keadaan ini menggambarkan bahawa dalam masyarakat tradisi Cina, kedudukan lelaki lebih tinggi daripada wanita. Maka, peluang kaum lelaki untuk menerima pendidikan adalah lebih tinggi daripada kaum wanita.

Secara amnya, taraf pendidikan penduduk di kampung ini tidak tinggi. Kebanyakan menerima pendidikan pada tahap sekolah rendah sahaja. Hanya 11 orang (lebih kurang 12%) responden pernah meneruskan pendidikannya ke sekolah menengah kerajaan atau swasta.

2.5.4 GENERASI MUDA

Kini, kebanyakan generasi muda di kampung ini menerima pendidikan sekolah rendah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kahang dan berpeluang melanjutkan pendidikan mereka ke sekolah menengah. Terdapat sebuah sekolah menengah kerajaan terletak kira-kira 1.5 batu jauh dari kampung ini, di mana ia membekalkan peluang pendidikan sekolah menengah dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Selain daripada ini, mereka juga menerima pendidikan sekolah menengah kerajaan atau swasta di kawasan lain seperti Bandar Kluang, Batu Pahat dan Johor Bahru.

2.6 BAHASA

Semasa darurat, orang kampung dikumpulkan dan ditempatkan untuk membentuk Kampung Bahru Kahang. Oleh kerana penduduk di sini datang dari tempat yang berlainan, maka mereka mempunyai bahasa loghat yang berlainan seperti Hokkien, Hakka, Kantonis, Hainan dan Hock Chew. Oleh kerana orang Hokkien dominan di sini, maka loghat Hokkien yang banyak dituturkan oleh penduduk kampung ini. Ia bukan sahaja difahami oleh orang Hokkien. Di sini, satu proses akulturasi dari segi bahasa berlaku di mana bahasa minoriti terserap ke

dalam bahasa majoriti dan dengan ini Hokkien telah diterima menjadi bahasa pengantar yang utama di sini. Ia bukan sahaja difahami oleh kaum Cina di sini, tetapi juga difahami oleh kaum bukan Cina di sini, seperti orang asli dan orang India.

Selain daripada bahasa loghat, Bahasa Manderin juga digunakan. Kebanyakan penduduk Cina di sini memahami Manderin, tetapi jarang menggunakannya dalam kehidupan seharian. Ia hanya digunakan apabila dikehendaki berkomunikasi dengan orang yang tidak faham loghat-loghat tempatan.

Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris difahami oleh sebahagian penduduk di sini. Kebanyakan mereka merupakan generasi muda yang berpeluang menerima pendidikan atau bekerja di tempat lain.

Walaupun Hokkien adalah bahasa penghantar utama di sini, akan tetapi bagi golongan pemuda-pemudi yang di bawah 20 tahun, ada kecenderungan lebih suka menggunakan Manderin dengan orang tidak kenalan jika dibanding dengan generasi tua. Ini mungkin disebabkan oleh pendidikan dan pengaruh dari negara Singapura.

Pada beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan Singapura menggalakkan rakyat bangsa Cinanya lebih menggunakan Manderin daripada loghat masing-masing. Galakan ini dibuat melalui media massa dan televisyen. Oleh kerana lokasi kampung ini adalah berdekatan dengan negara Singapura, maka rancangan televisyen dan radio Singapura boleh jelas diterima oleh penduduk di sini. Polisi-polisi kerajaan Singapura yang disebarkan melalui media massa ini

sedikit sebanyak ada pengaruhnya terhadap penduduk di sini yang sering menerima rancangan dari negara jiran tersebut. Dengan itu, generasi muda di kampung ini yang mempunyai kecenderungan lebih bertutur dalam Manderin kepada orang tidak kenalan mungkin adalah sedikit sebanyak dipengaruhi oleh negara jiran ini.

2.7 PEKERJAAN

Pekerjaan yang paling utama di kampung ini adalah pertanian, termasuklah getah, kelapa sawit, koko dan buah-buahan. Kebanyakan penanaman ini ditanam oleh pekebun-pekebun kecil. Di antara tanaman-tanaman tersebut, tanaman getah merupakan kegiatan pekerjaan tradisi dan yang paling utama dan tradisi. Jenis pekerjaan menoreh getah dilakukan oleh kaum lelaki dan juga wanita. Setiap awal pagi, penoreh-penoreh getah sudah pergi ke ladang untuk memulakan pekerjaan masing-masing. Kadang-kadang, anak mereka juga dibawa ke sana untuk membantu. Kerja yang boleh dilakukan oleh golongan budak di kebun getah termasuk mengutip susu getah dan tolong mengoperasikan atau memutarakan mesin-mesin pembuat kepingan getah. Lepas menolong ibu-bapa pada sebelah pagi di kebun, budak-budak ini akan pergi ke sekolah pada sebelah petang. Keadaan ini sering berlaku pada dahulu, tetapi ia telah jarang berlaku pada sekarang kerana taraf kehidupan penduduk telah meningkat. Budak-budak tidak perlu lagi dipaksa pergi ke kebun untuk membantu ibu-bapa mereka. Akan tetapi, ia masih berlaku di setengah-setengah keluarga yang miskin.

Selain daripada getah, pokok kelapa sawit juga merupakan tanaman utama oleh penduduk di sini. Setiap dua minggu pekerja-pekerja yang kebanyakan mereka merupakan pendatang haram dari Indonesia diupah untuk memotong buah kelapa sawit yang masak. Buah-buah itu kemudiannya dihantar ke kilang yang berdekatan dengan Bandar Kluang untuk diproses.

Selain daripada getah dan kelapa sawit, tanaman yang lain yang dikerjakan oleh penduduk di sini adalah seperti penanaman koko, buah-buahan dan lain-lain. Menurut kajian, terdapat 36.2% daripada penduduk di sini menjalankan aktiviti pertanian sebagai pekerjaan utama mereka (Rujuk jadual 2.2).

| Jenis Pekerjaan | Bilangan Orang | | Jumlah | Peratus(%) |
|---------------------|----------------|--------|--------|------------|
| | Lelaki | Wanita | | |
| Pertanian | 13 | 12 | 25 | 36.2 |
| Pembalakan | 5 | 0 | 5 | 7.3 |
| Perkilangan | 8 | 2 | 10 | 14.5 |
| Pembinaan | 1 | 0 | 1 | 1.4 |
| Kakitangan Kerajaan | 1 | 0 | 1 | 1.4 |
| Pengangkutan | 3 | 0 | 3 | 4.3 |
| Perkhidmatan | 1 | 8 | 9 | 13.1 |
| Perniagaan | 6 | 4 | 10 | 14.5 |
| Lain-lain | 3 | 2 | 5 | 7.3 |
| Jumlah | 41 | 28 | 69 | 100.0 |

Jadual 2.2 Pekerjaan Penduduk

Selain daripada sektor pertanian, sektor perkilangan juga menyumbangkan peluang pekerjaan kepada penduduk di sini. 14.5% daripada responden bekerja di kilang-kilang dikampung ini. Di sini, terdapat dua buah kilang yang dapat membekalkan pekerjaan iaitu kilang papan dan kilang

pembuatan pakaian. Kilang papan adalah kilang yang paling lama dibuka di sini, di mana kebanyakan pekerjaanya terdiri daripada kaum lelaki. Kilang pembuatan pakaian adalah kilang baru, di mana kebanyakan pekerjaanya merupakan wanita.

Pembalakan merupakan satu lagi sektor yang membekalkan peluang pekerjaan kepada penduduk lelaki di kampung ini. Sebagai pekerja pembalakan kepada pihak swasta, mereka dikehendaki tinggal di tempat kerja mereka. Oleh itu, mereka hanya balik ke kampung ini untuk berjumpa dengan keluarga sebulan sekali atau pada hari perayaan sahaja. Tempat pekerjaan mereka biasanya adalah jauh dari kampung ini, seperti di Sabah, Sarawak dan Pahang. Pendapatan mereka adalah tinggi tetapi pekerjaan mereka adalah bahaya.

Menurut penghulu, kampung ini mempunyai lebih kurang 130 buah kedai yang beroperasi. Tambahan lagi terdapat penjaja-penjaja yang berniaga di tepi-tepi jalan, maka perniagaan dan penjualan merupakan salah satu jenis pekerjaan yang penting di sini. Perniagaan di sini adalah bercorak kekeluargaan di mana pekerja-pekerja kedai biasanya merupakan ahli-ahli keluarga kepada majikan. Majikan kadangkala juga merupakan salah seorang pekerja dalam kedai. Ia adalah menggunakan modal secara kecil-kecilan. Dalam kajian ini, terdapat 14.5% daripada responden membuat pekerjaan ini.

Selain daripada ini, pekerjaan yang terdapat di kampung ini termasuklah pengangkutan, di mana ia termasuklah mereka yang bekerja sebagai pemandu lori, traktor, bas dan teksi. Peratus responden dalam kajian ini yang bekerja dalam sektor

ini adalah 4.3%.

Pekerjaan lain yang dikerjakan oleh responden di sini adalah perkhidmatan (termasuklah mereka yang menjaga anak, mencuci baju dan membersihkan rumah), pembinaan, kakitangan kerajaan (sebahagian kecil sahaja), buruh kasar dan lain-lain.

Oleh kerana Kampung Bahru Kahang merupakan sebuah kampung yang kecil dan peluang pekerjaannya adalah terhad, maka ramai daripada tenaga pekerja di sini mencari pekerjaan luar dari kampung ini. Tempat yang paling digemari oleh mereka adalah Singapura, Sabah, Sarawak, dan Brunei. Menurut penghulu, terdapat 10% hingga 20% daripada penduduk di kampung ini bekerja di tempat lain. Dari kajian ini, didapati bahawa terdapat 7 keluarga daripada 50 buah keluarga responden mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli bekerja di tempat lain. Iaitu terdapat 14% keluarga responden sekurang-kurangnya mempunyai seorang ahli keluarga yang bekerja luar dari kampung ini.

2.8 HIBURAN DAN HUBUNGAN SOSIAL

2.8.1 MENONTON TELEVISYEN

Semasa waktu lapang, perkara yang paling gemar dilakukan oleh penduduk di sini adalah menonton televisyen. Oleh kerana panggung wayang di sini telah tutup pada tahun 1981, maka kebanyakan penduduk pun menumpukan ke televisyen.

Lokasi kampung ini tidak jauh dari negara Singapura, maka selain daripada rancangan televisyen di Malaysia,

rancangan televisyen dari Singapura juga dapat diterima dengan jelas. Dengan ini, terdapat enam saluran televisyen iaitu: 'TV1', 'TV2' dan 'TV3' dari Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), serta 'SBC5', 'SBC8' dan 'SBC12' dari Singapura.

2.8.2 JUDI

Oleh kerana kampung ini tiada panggung wayang dan bandar yang terdekat yang dapat beri hiburan lain adalah jauh, maka ramai orang menumpu kepada judi bila ada masa lapang. Berjudi bukan sahaja dapat hiburan, tetapi juga mendatangkan pendapatan bila menang, tambahan pula dapat mengenali ramai orang. Maka ia menjadi sejenis hiburan yang digemari oleh pemuda-pemudi, orang tua dan juga budak-budak yang masih berada di bangku sekolah.

Judi boleh dimainkan antara ahli-ahli keluarga atau antara kawan-kawan. Mereka yang berjudi bersama-sama biasanya adalah berkenalan di antara satu sama lain. Jika ada kaki judi yang baru ingin masuk ke golongan ini, maka ahli baru itu hendaklah merupakan orang yang dikenali oleh kaki-kaki judi lama di situ. Ahli baru itu juga boleh masuk secara diperkenalkan oleh ahli lama yang dikenali oleh kaki-kaki judi lama di sana. Keadaan ini berlaku adalah kerana kaki-kaki judi ini takut kalau-kalau ahli baru yang tidak dikenali oleh mereka itu merupakan 'mata gelap' pihak polis. Oleh kerana perjudian mereka ini adalah perjudian yang tidak berlesen, maka jika ditangkap oleh polis akan didenda. Oleh itu, tempat perjudian mereka biasanya adalah sulit.

Contohnya dalam bilik khas dalam rumah, dekat semak-samun, dalam kebun getah atau kawasan-kawasan yang susah dicari oleh orang awam atau polis. Bagi golongan budak, mereka hanya bermain dengan budak-budak yang hampir sama umur dengannya dan tempat perjudian mereka adalah dalam rumah.

Bagi orang dewasa, jika berjudi dalam rumah, 'wang masuk pintu' perlu dibayar kepada tuan punya rumah. Wang itu merupakan sejenis ganjaran kepadanya kerana dia meminjam tempat, membekalkan alat judi dan bertindak sebagai 'penjaga' bagi kaki-kaki judi. Jika polis datang, dia akan beri isyarat kepada kaki-kaki judi untuk berhenti dan melarikan diri. Atas perkhidmatan tersebut, maka setiap orang yang menggunakan kemudahan itu perlu membayar wang yang tertentu kepada tuan rumah tersebut. Biasanya, bayaran tersebut terletak di antara \$2 hingga \$2.50. Jika seseorang kaki judi itu menang dalam perjudian, dia perlu bayar lagi \$15 bagi setiap \$100 dia menang kepada tuan rumah. Bayaran ini dipanggil 'Tong-Chui' dalam Hokkien.

'Tong-Chui', merupakan satu sumber pendapatan yang khas bagi sebahagian penduduk kampung ini. Dalam sebulan, seseorang tuan rumah boleh dapat 'Tong-Chui' sebanyak kira-kira seribu lebih ringgit! Jumlah pendapatan ini merupakan pendapatan bersih di mana ia tidak dilaporkan dalam cukai pendapatan. Ini bererti seseorang tuan rumah hanya membekalkan tempat, alat dan kadang-kadang sedikit makanan atau minuman, sudah boleh dapat jumlah wang tersebut. Oleh itu, tidak hairanlah terdapat seorang responden kata dia sudah semakin malas pergi bekerja di kebun. Katanya: 'Tidak perlulah

bersusah payah bangun awal-awal untuk kerja. Sekarang saya duduk di sini sudah ada pendapatan.'

Selain daripada berjudi dalam rumah, kaki-kaki judi juga berjudi di luar rumah. Kebaikan berjudi di dalam rumah adalah selesa, selamat dari serangga dan haiwan. Keburukannya adalah bahaya dari polis kerana bila ramai orang berkumpul, pasti akan bising. Kebisingan ini akan mengganggu jiran-jiran dan timbulkan perasaan tidak puas hati. Ini akan mengakibatkan mereka lapor kepada polis. Satu lagi keburukan adalah perlu bayar 'Tong-Chui' kepada tuan rumah. Jika judi di luar rumah, kebbaikannya adalah boleh jimat 'Tong-Chui', selamat dari polis kerana polis sukar kesan tempat-tempat yang sesulit seperti itu. Jika polis datang, juga mudah melarikan diri kerana di kawasan luar rumah yang luas, mudah tersembunyi dan melepaskan diri. Keburukannya adalah tidak selesa. Semua orang perlu duduk di lantai atau cangkung. Di kawasan semak-samun atau kebun-kebun terdapat banyak serangga dan haiwan yang mungkin membahayakan kepada manusia.

Judi yang paling biasa dimain oleh penduduk kampung ini adalah: kads dan Mah-Jong. Permainan judi Mah-Jong dan kads ini sering membawa bersama bunyi kemarahan, bunyi yang bising akibat menghantam meja dan kerusi. Akan tetapi ia merupakan satu jenis aktiviti yang dapat mengumpulkan orang-orang kampung di mana mereka dapat saling mengenali dan berinteraksi setiap malam dan lebih-lebih lagi sehingga larut malam setelah orang ramai telah tidur.

2.8.3 SENAMAN

Senaman, merupakan salah satu jenis aktiviti yang digemari oleh golongan muda penduduk kampung ini, terutamanya jenis permainan bola keranjang, badminton dan ping-pong. Biasanya, tempat permainan bola atau aktiviti ini adalah di dalam atau di kawasan sekitar Dewan Majlis Kahang di mana gelanggang-gelanggang dibina di sana oleh pihak kerajaan untuk kemudahan orang awam. Tempat ini telah menjadi salah satu tempat pertemuan orang-orang muda. Di samping bermain-main di kawasan ini, golongan orang-orang muda juga saling berinteraksi dan berkenalan.

2.8.4 BERBUAL-BUAL DI KEDAI KOPI

Kedai kopi, merupakan satu tempat pilihan orang ramai apabila mereka mempunyai masa lapang. Dengan demikian, ia telah menjadi satu tempat orang ramai berkumpul terutamanya kaum lelaki. Di samping minum kopi, mereka berbual-bual, berbincang, bertukar-tukar fikiran, mendapat dan menyebarkan berita-berita. Selain daripada itu, kedai kopi merupakan satu tempat perbincangan atau perbincangan mengenai topik yang berkaitan dengan perjudian, isu-isu semasa, politik dan khabar-khabar angin.

2.8.5 GANG-GANG INFORMAL

Bagi golongan budak, 'gang-gang' informal dibentuk di mana ia mengumpulkan budak-budak lelaki dan perempuan dari keluarga-keluarga yang berlainan. Dalam 'gang' tersebut, seorang akan menjadi ketua, biasanya dia merupakan

budak yang paling tinggi umurnya. Ketua yang menentukan apa 'aktiviti' atau permainan yang akan dimainkan. Apa yang dilakukan oleh ketua akan diikuti oleh pengikut-pengikutnya. Kadang-kala perselisihan akan berlaku di antara dua 'gang'. Ini akan mengakibatkan pergaduhan secara 'perang mulut' atau kadang-kala lebih serius akan berlaku pertengkaran di mana ketua dan ahli-ahli di kedua-dua pihak 'gang' saling membaling sampah-sarap, pasir, batu-batu kecil, ranting-ranting kayu kepada pihak yang berlawanan. Kadang-kala, ini akan mengakibatkan kecederaan ringan. Akan tetapi, masih tidak pernah berlaku kecederaan yang serius sepanjang pengetahuan pengkaji. Walau bagaimanapun, 'gang-gang' ini telah mengumpulkan budak-budak di kampung ini dan menjadi aktiviti utama budak-budak untuk mengisi masa lapang mereka setelah pulang dari sekolah.

2.9 AGAMA DAN KEPERCAYAAN

Agama merupakan institusi yang penting untuk mengumpulkan orang ramai di bawah satu idea atau fikiran dan menyebabkan orang ramai bertindak bersama-sama. Di Kampung Bahru Kahang, kebanyakan penduduk adalah berkepercayaan animisme dan Buddha. Nenek-moyang, Dewa Tanah, Dewa Dapur dan Dewa 'Kuan-Yin' hampir disembah oleh setiap keluarga. Dipercayai bahawa dewa-dewi ini akan menjaga keamanan keluarga mereka. Selain daripada itu, Dewa Kekayaan, Dewa 'Tuah-Pek-Kong', 'Tien-Kong' dan 'Kuan-Kong' juga disembah terutamanya oleh golongan peniaga kerana dipercayai dewa-dewi ini akan menjaga keselamatan dan paling penting sekali

adalah akan bawa kekayaan kepada mereka. Selain daripada itu, pokok-pokok dan batu-batu besar serta aneh, kadang-kala juga disembah oleh penduduk di sini.

Apabila perayaan agama, tokong-tokong Cina di sini akan mengumpulkan penduduk-penduduk kampung untuk melakukan aktiviti ritual bersama-sama. Ini menyebabkan penduduk-penduduk di kampung ini berpeluang berhimpun dan berbual-bual, bertukar-tukar fikiran di antara satu sama lain. Maka tokong Cina di sini juga bermain fungsi untuk menyatukan penduduk-penduduk.

Dalam setengah-tengah perayaan terdapat tayangan filem atau drama klasik Cina yang sama ada pelakunnya merupakan patung atau manusia. Ia menarik minat orang ramai untuk menghadiri dan duduk bersama-sama menikmatinya tanpa mengira agamanya. Aktiviti ini disokong bersama-sama oleh mereka. Bahasa loghat yang difahami oleh kebanyakan penduduk digunakan (Hokkien). Ini menambahkan perasaan mesra dan persaudaraan di antara penduduk-penduduk.

Selain daripada agama Buddha dan animisme, sebahagian kecil penduduk Cina di kampung ini menganut agama Kristian dan Taoisma.

Hampir semua keluarga di kampung ini percaya kewujudan roh. Ini dapat dilihat apabila responden ditanya soalan 'Mati dalam hutang, roh terseksa'⁽⁹⁾. Terdapat 94% atau 47 buah keluarga responden setuju pandangan tersebut. Dengan kata lain, mereka percaya kewujudan roh. Manakala hanya terdapat 3 keluarga responden atau 6% tidak setuju kenyataan di atas kerana mereka tidak percaya kewujudan roh.

2.10 TARAF HIDUP

Keadaan kehidupan penduduk di kampung ini dapat diteliti melalui keadaan rumah mereka. Semakin tinggi taraf hidup, semakin lengkap alat-alat dan kemudahan yang terdapat dalam rumah. Maka, untuk mengetahui taraf hidup, alat-alat dan kemudahan-kemudahan dalam rumah diperhatikan.

Sepanjang kajian dibuat, didapati bahawa setiap keluarga mempunyai elektrik dan tandas moden. Air diperolehi dari telaga yang terdapat di setiap rumah. Bekalan air dari kerajaan dijangka akan diperolehi pada tahun 1992 bulan Jun atau Julai⁽¹⁰⁾.

Hampir semua keluarga dalam kampung ini menggunakan gas sebagai bahan bakar untuk memasak. Alat-alat elektrik yang dapat memberi bantuan dalam kerja rumah juga digunakan oleh penduduk di sini. Jadual 2.3 akan menunjukkan keadaan ini :

| Alat | Bilangan keluarga yang mempunyainya | Peratus(%) |
|--------------------|-------------------------------------|------------|
| Pencuci Hampagas | 5 | 10 |
| Mesin Basuh Kain | 27 | 54 |
| Microwave | 0 | 0 |
| Mesin Buat Makanan | 42 | 84 |

Jadual 2.3 Keluarga Yang Mempunyai Alat-alat Elektrik

Dari Jadual 2.3 didapati mesin buat makanan dan mesin basuh kain dipunyai oleh banyak keluarga di sini. Ini adalah kerana kedua-dua jenis alat elektrik ini tidak berapa mahal dan banyak membantu dalam kerja rumah. Suri rumahtangga dapat jimat banyak masa dan tenaga dengan menggunakannya. Akan tetapi, pencuci hampagas dan 'microwave' masih tidak popular digunakan oleh penduduk di sini. Menurut seorang

responden bahawa rumah di kampung tidak sesuai guna alat-alat tersebut. Katanya: 'Mengguna penyapu adalah lebih cepat daripada menggunakan pencuci hampagas.'

Bagi kemudahan alat elektrik rekreasi, banyak keluarga mempunyai televisyen dan radio. Kata responden bahawa kedua-dua alat tersebut adalah 'hiburan asas'. Oleh itu, dari Jadual 2.4 boleh didapati bahawa terdapat 98% daripada keluarga responden mempunyai kedua-dua jenis alat 'hiburan asas' tersebut. Akan tetapi, Hi-Fi, piano dan video, hanya sebahagian kecil keluarga di sini mempunyainya sahaja kerana ia lebih mahal.

| Alat | Bilangan keluarga yang mempunyainya | Peratus (%) |
|-------------|-------------------------------------|-------------|
| Radio | 49 | 98 |
| Televisyen | 49 | 98 |
| Video | 10 | 20 |
| Piano/organ | 0 | 0 |
| Hi-Fi | 15 | 30 |

Jadual 2.4 Keluarga Yang Mempunyai
Alat-alat Elektrik Rekreasi

Dari jadual 2.4, didapati penduduk lebih cenderung membeli barangan yang lebih murah. Contohnya: Hi-Fi dan radio sebagai perbandingan. Terdapat 15 buah keluarga mempunyai Hi-Fi, manakala 49 buah keluarga mempunyai radio. Kedua-dua Hi-Fi dan radio juga beri hiburan muzik. Akan tetapi, lebih keluarga yang membeli radio yang mana harganya lebih murah. Di sini menunjukkan bahawa taraf hidup penduduk di kampung ini tidak tinggi, di mana harga masih merupakan faktor utama yang mempengaruhi mereka membeli. Manakala bagi

golongan yang bertaraf hidup tinggi, harga bukan lagi faktor utama yang mempengaruhi mereka beli. Apa yang dipentingkan oleh mereka adalah kualiti dan jenama.

Pada tahun sebelum 1960an, penduduk-penduduk di kampung ini menggunakan basikal sebagai kenderaan utama untuk memudahkan pergerakan mereka. Sehingga tahun 1970an, motorsikal mula banyak digunakan. Terdapat peningkatan jalanraya selepas tahun 1980an, kereta semakin popular di kampung ini. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa taraf hidup penduduk di sini semakin meningkat. Semakin banyak keluarga mampu menggunakan kenderaan yang semakin kompleks demi kemudahan masing-masing. Akan tetapi, motorsikal masih merupakan kenderaan yang paling popular digunakan di sini. Dari kajian didapati hampir setiap keluarga mempunyai motorsikal dan basikal. Hanya 14 buah keluarga atau 28% keluarga responden mempunyai kereta. Maka secara amnya, taraf kehidupan penduduk di sini masih tidak tinggi.

NOTA :

- (1) K.S. Sandhu, Emergency Resettlement In Malaysia. The Journal of Tropical Geography, vol. 18, 1964, m/s 157-183
- (2) Lihat peta I
- (3) Rumah-rumah ini merupakan rumah baris yang dibina dengan batu-batu oleh pihak swasta. Bahagian gambar foto I menunjukkan gambar rumah-rumah ini.
- (4) Maklumat ini diperolehi dari penghulu Kampung Bahru Kahang Encik Lim Kim Chin.
- (5) Sebelum ini, Encik Lim Kim Chin telah memegang jawatan sebagai penghulu Kampung Bahru Kahang selama dua tahun.
- (6) Pusat kampung yang juga merupakan pusat perniagaan ini telah wujud sebelum wujudnya Kampung Bahru Kahang. Orang ramai yang terdiri daripada pelbagai jenis dialek tumpu di sana untuk berniaga dan mencari keuntungan.
- (7) Dalam sekolah Swasta Cina, terdapat sebuah majlis khas ditubuhkan. Ia dianggotai oleh mereka yang bersedekah kepada sekolah terutamanya sumbangan dalam bentuk kewangan. Seorang pengerusi akan dipilih untuk mengetuai majlis tersebut. Biasanya beliau merupakan

seorang yang mempunyai kedudukan tinggi dalam politik, ekonomi dan prestij. Yang penting sekali, beliau merupakan orang yang bersumbangan besar dalam penubuhan dan pengurusan sekolah tersebut.

- (8) 3 orang atau 16.7% daripada responden yang tidak menerima pendidikan adalah kaum lelaki. Manakala 15 orang atau 83.3% daripada adalah kaum wanita.
- (9) Lihat borang soal selidik di lampiran IV: mukasurat 104 ;soalan 13
- (10) Jangkaan ini dibuat oleh penghulu kampung ini.

BAB 3

JARINGAN SOSIAL DAN SUMBER KREDIT

3.1 HUBUNGAN DALAM KELUARGA

Dalam sesebuah masyarakat, keluarga merupakan unit asasnya. Pada sebelum tahun 1970an hingga 80an, sebahagian besar keluarga di Kampung Bahru Kahang merupakan keluarga 'extended' ⁽¹⁾, di mana ramai ahli keluarga tinggal bersama-sama. Keadaan ini berlaku kerana pada masa itu, kebanyakan keluarga di sini adalah kurang berada, di mana mereka tidak mampu membina rumah sendiri. Akan tetapi, kini, taraf kehidupan penduduk telah meningkat. Semakin ramai orang mampu membina atau membeli rumah sendiri. Maka, corak keluarga juga semakin berubah dari keluarga 'extended' kepada keluarga nuklear ⁽²⁾.

Keluarga nuklear masih mempunyai ahli-ahli keluarga rapat dalam kampung ini walaupun mereka duduk berasingan. Dalam sesebuah keluarga, hubungan antara setiap ahli keluarga adalah erat di mana setiap hari mereka berjumpa satu sama lain dan melakukan pelbagai aktiviti bersama-sama, seperti membuat kerja rumah, makan dan berhibur bersama-sama. Bagi golongan kanak-kanak pula, mereka bermain dan belajar bersama-sama. Semua ini mengeratkan lagi hubungan di antara setiap ahli keluarga. Oleh itu, perhubungan erat ini telah menyebabkan mereka sanggup bantu-membantu di antara satu sama lain termasuk pada masa waktu mengalami masalah ekonomi. Dengan ini, apabila mengalami masalah ekonomi, pilihan utama sumber kredit mereka adalah ahli keluarga,

bagi jumlah yang kecil iaitu kurang daripada \$1,000. Ini adalah kerana pada jumlah yang lebih besar, ahli-ahli keluarga tidak lagi mampu beri bantuan pinjaman. Oleh itu, dari Jadual 3.1 akan dapati bahawa pada jumlah pinjaman wang yang lebih besar iaitu \$1,001 - \$5,000 dan melebihi \$5,001, kebanyakan responden meminjam dari kutu, rakan dan bank tetapi bukan lagi ahli keluarga.

| Sumber kredit | Bilangan Keluarga | | | |
|----------------------------------|-------------------|----------|-----------|-------|
| | 101-500 | 501-1000 | 1001-5000 | >5001 |
| Bank | 0 | 0 | 1 | 8 |
| Peminjam Wang Berlesen | 0 | 0 | 0 | 9 |
| Ahli Keluarga Ketua Tempat Kerja | 21 | 27 | 10 | 3 |
| Rakan/Kutu | 6 | 14 | 33 | 15 |
| Jumlah | 27 | 42 | 45 | 35 |

Jadual 3.1 Jumlah Dan Sumber Kredit

Dalam kampung ini, hubungan ibu-bapa dan anak serta hubungan adik-beradik adalah rapat. Sejak kecil lagi, budak-budak di kampung ini terpaksa membantu ibu-bapa untuk mengerjakan ladang atau melakukan kerja rumah. Ini bermaksud sejak dari kecil sehingga dewasa, terdapat banyak masa untuk mereka berhubung dengan ibu-bapa dan ahli-ahli keluarga masing-masing, di mana mereka selesaikan masalah seharian mereka, bersuka dan berduka bersama-sama. Dengan kata lain, mereka hidup saling bergantung pada keluarga. Maka, hubungan antara ibu-bapa dan anak-anak serta hubungan dengan ahli-ahli keluarga yang lain adalah rapat. Oleh itu, dalam

keadaan untuk mendapatkan kredit, kebanyakan orang akan meminjam dari ahli keluarga.

3.2 HUBUNGAN SOSIAL

Dalam kampung ini, hubungan sosial dijalin dengan rapat secara persanakan, persahabatan, jirantetanga dan ekonomi.

3.2.1 PERSANAKAN

Dalam hubungan persanakan, penduduk-penduduk di kampung ini dijalin secara perkahwinan. Sesebuah keluarga mesti mengadakan hubungan dengan keluarga yang lain kerana seseorang mesti berkahwin kepada orang yang luar daripada keluarga sendiri. Oleh itu, sebelum hubungan persanakan dapat dijalin, mengadakan hubungan sosial yang baik dengan orang lain dalam kampung ini adalah penting. Selain daripada tujuan perkahwinan, seseorang juga dapat pertolongan dari hubungan ini jika mengalami masalah kehidupan, termasuk masalah ekonomi.

3.2.2 PERSAHABATAN

Hubungan sosial dijalin juga dalam bentuk persahabatan. Hubungan ini wujud dari melakukan aktiviti seharian bersama-sama atau mempunyai hobi atau pengalaman yang sama. Pada zaman darurat, di bawah rancangan penempatan semula, penduduk-penduduk telah dipaksa memindah ke tempat ini untuk tinggal bersama-sama. Selama ini, mereka telah bersama-sama mengalami pengalaman sejarah dan kehidupan yang sama. Dengan ini, hubungan persahabatan yang baik didirikan. Dalam

kehidupan seharian, pelbagai aktiviti kehidupan seperti bekerja dan belajar, membolehkan mereka mendapat kumpulan rakan 'primary group' masing-masing, di mana mereka sering bersama-sama melakukan banyak aktiviti seharian. Misalnya, pergi ke pasar, bekerja, berbual-bual, berhibur dan melakukan ritual agama bersama-sama. Dengan ini, telah wujud perasaan kekitaan di kalangan penduduk dalam kampung ini. Jalinan sosial ini penting bagi seseorang di mana dia boleh memperolehi bantuan, termasuk bantuan ekonomi semasa mengalami masalah.

3.2.3 JIRANTETANGGA

Hubungan sosial yang dijalin melalui jirantetangga juga merupakan salah satu jenis hubungan sosial di sini. Apabila seseorang lama tinggal di sesuatu tempat, dia perlu menjalin hubungan yang baik dengan jiran-jirannya. Hubungan ini penting kerana seseorang boleh dapat pertolongan dari jiran-jirannya jika mempunyai hubungan yang baik dengan mereka.

3.2.4 EKONOMI

Hubungan sosial di kampung ini juga dijalin atas alasan ekonomi, di mana hubungan antara seseorang dengan orang yang lain adalah atas kepentingan ekonomi. Contohnya hubungan antara penjual atau peniaga dengan pelanggannya. Hubungan ini wujud demi kepentingan ekonomi. Pada pihak peniaga, hubungan yang baik dengan pelanggan adalah penting supaya dapat 'mengikat' pelanggannya. Biasanya seseorang pelanggan lebih suka membeli dari penjual yang dikenalnya dan

mempunyai hubungan yang baik dengannya supaya dapat membeli barangan yang lebih murah dan mendapat perkhidmatan yang lebih baik, serta mungkin dapat kredit jangka pendek kalau didapati keputusan wang tunai pada hari tersebut.

Secara amnya, hubungan antara penduduk-penduduk dalam kampung ini adalah bercorak 'many-stranded'. Contohnya, selain daripada mempunyai hubungan ekonomi, seseorang itu juga mempunyai hubungan persahabatan atau persaudaraan dan jirantetangga dengan orang yang lain dalam kampung ini. Dengan adanya hubungan-hubungan ini, seseorang dapat memperolehi bantuan ekonomi dari mereka apabila dia mengalami masalah ekonomi. Dengan perkataan lain, hubungan sosial itu adalah berfungsi untuk menyelesaikan masalah harian mereka. Akan tetapi, walaupun mempunyai hubungan persaudaraan, ini tidak mengganggu proses ekonomi.

3.3 SUMBER KREDIT

Dalam kajian yang dibuat, didapati bahawa had yang sanggup responden membeli secara tunai pada amnya adalah pada jumlah antara \$100-\$1000. Keadaan ini ditunjukkan dalam jadual 3.2 :

| Jumlah Wang | Bilangan Keluarga | Peratus(%) |
|-------------|-------------------|------------|
| 100-500 | 14 | 28 |
| 501-1000 | 18 | 36 |
| 1001-3000 | 11 | 22 |
| 3001-6000 | 4 | 8 |
| 6000-10000 | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Jadual 3.2 Had Sanggup Beli Secara Tunai

Dari Jadual 3.2, didapati bahawa kebanyakan keluarga iaitu 64% di kampung ini sanggup beli barangan secara tunai sehingga had \$1000 (iaitu 28% pada had \$100 - \$500 dan 36% pada had \$501 - \$1000). Ini bererti apabila sesuatu barangan yang ingin dibeli itu lebih daripada jumlah tersebut, bantuan wang diperlukan. Bantuan ini boleh datang dari anak-anak yang telah bekerja atau meminjam dari sumber yang lain.

Kebanyakan keluarga mempunyai anak-anak yang telah bekerja dan yang boleh membantu dalam hal ekonomi. Dari Jadual 3.3, didapati bahawa kebanyakan keluarga iaitu 64% mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang bekerja. Oleh itu, anak-anak ini akan menyumbang sedikit sebanyak wang demi membantu keluarga dalam membeli sesuatu barangan apabila keluarga tidak mampu berbuat demikian. Mereka membeli barangan sebagai hadiah kepada ibu-bapa yang biasanya merupakan barangan elektrik seperti peti sejuk, mesin basuh dan HI-FI.

| Jumlah Anak yang Bekerja | Bilangan Keluarga | Peratus(%) |
|--------------------------|-------------------|------------|
| 0 | 18 | 36 |
| 1-3 | 8 | 16 |
| 4-6 | 9 | 18 |
| 7-9 | 9 | 18 |
| 10-12 | 6 | 12 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Jadual 3.3 Bilangan Anak Yang Bekerja

Dari Jadual 3.3 juga dapati bahawa masih mempunyai 36% daripada keluarga di sini tidak mempunyai anak yang bekerja. Ini bermaksud mereka tiada bantuan yang dari anak. Maka,

mereka memerlukan bantuan kredit dari luar keluarga jika kekurangan wang untuk membeli.

Sumber-sumber kredit yang paling biasa diguna oleh penduduk-penduduk kampung ini adalah jenis kredit informal seperti : kutu, rakan, ahli keluarga dan majikan. Selain daripada itu, sumber kredit formal juga digunakan seperti pinjaman dari bank, institusi kewangan atau peminjam wang berlesen. Biasanya pinjaman wang dari sumber formal ini adalah berjumlah lebih daripada \$1001 (sila rujuk Jadual 3.1). Pada tahap jumlah ini, sumber kredit formal digunakan kerana sumber informal tiada wang yang sebegitu banyak untuk dipinjamkan. Dengan perkataan lain, semakin besar jumlah kredit diperlukan, semakin ramai penduduk pinjam dari sumber formal dan semakin kurang penduduk pinjam dari sumber informal.

3.3.1 KUTU

Kutu adalah sejenis kredit informal yang sering digunakan oleh penduduk kampung ini. Ia dibentuk oleh sekumpulan orang di mana setiap orang mengeluarkan sejumlah wang yang telah setuju sebelum ini setiap kali kutu dimainkan. Ahli yang mengeluarkan faedah yang paling tinggi boleh dapat jumlah wang tersebut.

Dalam kampung ini, hampir setiap keluarga juga pernah memainkan kutu. Menurut kajian, didapati hanya ada 5 daripada 50 buah keluarga yang tidak pernah main kutu, kerana dikata mereka tiada wang lebihan untuk ikut kutu dan tidak percaya kepada orang lain kerana takut mereka akan lari kutu. Ini

bermaksud 45 buah keluarga atau 90% daripada keluarga di sini menggunakan sumber kredit ini, di mana mereka ini merasa kutu adalah lebih baik daripada berhutang. Hanya sebuah keluarga sahaja yang tidak setuju pandangan ini.

Jumlah yang biasa diperolehi dari permainan kutu adalah \$2001 hingga \$5000. Terdapat 80% daripada pemain mendapat jumlah ini. Manakala 8.9% daripada pemain mendapat \$1000 hingga \$2000. Jumlah ini merupakan jumlah wang kutu pada kira-kira tahun 1970an. Bilangan mereka yang mendapat \$5001 - \$6000 adalah 4 buah iaitu 8.9%. Dalam kajian, hanya terdapat sebuah keluarga (2.2%) yang mendapat \$7000 dalam permainan kutu. Ini adalah kerana jumlah bayarannya adalah besar. Oleh itu tidak banyak keluarga mampu main kutu dalam jumlah tersebut. Jadual 3.4 menunjukkan keadaan ini :

| Jumlah (\$) | Bilangan Keluarga | Peratus(%) |
|-------------|-------------------|------------|
| 1001-2000 | 4 | 8.9 |
| 2001-3000 | 15 | 33.3 |
| 3001-4000 | 9 | 20.0 |
| 4001-5000 | 12 | 26.7 |
| 5001-6000 | 4 | 8.9 |
| 6001-7000 | 1 | 2.2 |
| Jumlah | 45 | 100 |

Jadual 3.4 Jumlah Wang Yang Diperolehi Dari Kutu

Di kampung ini, sekumpulan kutu terdiri daripada kira-kira 15 - 40 orang ahli⁽³⁾. Ketua kutu boleh terdiri daripada sebarang orang yang memerlukan wang. Dia akan memulakan kutu dengan mengajak rakan-rakannya yang boleh dipercayai untuk memasuki kumpulan kutunya. Jumlah asas yang perlu dibayar oleh ahlinya bergantung kepada jumlah syer.

yang dipegang. Bayaran asas satu syer boleh terletak antara \$50 - \$300. Bagi kutu yang dimain untuk tujuan sebagai modal perniagaan, Satu syer boleh capai \$500.

Dalam suatu sistem kutu, ketua memainkan peranan yang sangat penting. Dia bertanggungjawab mengutip jumlah bayaran dari ahlinya dan serahkan jumlah wang kepada ahli yang berjaya mendapat kutu pada kali tersebut. Jika berlaku perkara 'lari kutu', bermaksud salah seorang ahli setelah mendapat wang dan melarikan diri dengan wang itu, maka bayaran seterusnya akan dibayar oleh ketua kutu. Ini bererti ketua yang akan mengganti rugi ahlinya. Maka, ketua kutu perlu sangat berhati-hati semasa memilih ahlinya, di mana setiap ahli mestilah merupakan orang yang boleh dipercayai. Oleh itu, pemilihan ahli ini adalah bergantung kepada pengalaman ketua dan jalinan hubungan baik atau erat yang wujud di antara ketua dan ahlinya. Seorang yang mempunyai 'nama buruk' atau tiada hubungan erat dengan ketua tidak akan diajak untuk mengikut kutu.

Faktor utama seseorang memilih memasuki kutu untuk menjadi ahli adalah bergantung kepada amanah ketua itu dan hubungannya dengan ketua tersebut. Jika ketua tidak beramanah dan tiada hubungan yang baik dengannya, seseorang tidak akan memasuki kumpulan kutunya untuk elakkan mengalami kerugian jika ketua 'lari kutu'. Dalam sistem kutu ini, amanah dan 'nama baik' adalah sangat penting.

'Nama baik' adalah dibina melalui hubungan yang erat dengan orang lain dalam kampung dan sikap yang bertanggungjawab dalam kehidupan seharian. Ia merupakan

sejenis tekanan sosial yang wujud untuk mengawal setiap orang kampung menjelaskan hutang pada masa yang tepat dan tidak melakukan jenayah demi mengekalkan 'nama baik'nya. Pandangan masyarakat ke atas seseorang itu adalah syarat penting untuk terus mendapat kredit. Oleh itu, adalah sangat penting bagi seseorang itu jaga 'nama baik'.

Kutu dimulakan kerana seseorang itu perlukan wang dan tiada laluan lain. Manakala ahli-ahli kutu mengikut kutu, ada beberapa sebab. Sebab yang paling biasa adalah kerana ingin bantu ketua kutu yang merupakan rakan atau saudaranya yang berada dalam kesukaran ekonomi. Perasaan ingin bantu ini ditimbul dari hubungan yang baik dengan ketua. Ia terjadi mungkin dari perkahwinan atau persaudaraan atau kerana persahabatan atau jirantetanga yang lama. Ia juga merupakan satu hubungan timbal balas yang berlaku di mana penduduk saling bantu-membantu. Seseorang ahli membantu ketua mungkin kerana ketua kutu itu pernah membantu atau pernah menyokongnya pada masa dahulu.

Sebab yang lain adalah ingin membantu diri iaitu beri peluang kepada diri bahawa jika pada suatu hari nanti mengalami kesukaran ekonomi, boleh dapat sejumlah wang dari kutu. Di sini, kutu memainkan peranan menabung dan menyimpan wang bagi masa depan.

Satu sebab lagi mengapa mengikut kutu adalah untuk memperolehi faedah. Apabila rakan kutu sangat memerlukan wang, dia akan membayar faedah yang tinggi demi memperolehi wang kutu. Dari sini, rakan-rakan kutu yang lain dapat faedah yang tinggi.

Dari kajian, didapati 90% iaitu 45 daripada 50 buah keluarga responden pernah bermain kutu. 97.8% daripadanya (44 keluarga) menyatakan kutu adalah lebih baik daripada berhutang, kerana kutu tidak membabitkan hubungan 'terhutang budi' jika dibandingkan dengan meminjam dari kawan, jiran dan ahli keluarga, di mana meminjam dari orang-orang ini mungkin membabitkan maruah seseorang peminjam.

Dalam kumpulan kutu, sesiapa yang mempunyai kecemasan untuk guna wang, dia boleh dapat wang kutu itu dengan mudah iaitu secara bayar faedah yang tinggi. Dia tidak perlu tunggu sampai gilirannya untuk dapat wang. Sumber kredit ini adalah fleksible. Seseorang dapat tentukan bila dia mahu dapat wang kutu ini.

Akan tetapi jenis kredit ini mempunyai keburukan bahawa apabila seseorang sangat memerlukan wang, dia akan bayar faedah yang tinggi. Ini merugikannya.

Jika rakan kutu 'lari kutu', ketua akan rugi kerana perlu bayar untuk ahli yang 'lari kutu' tersebut. Jika ketua yang 'lari kutu', ahli-ahlinya akan rugi⁽⁴⁾. Oleh itu, risiko untuk main kutu adalah besar. Faktor yang menyebabkan orang ramai sanggup main kutu adalah berpegang kepada kepercayaan kepada rakannya dan kepercayaan itu dibina dari hubungan yang erat serta interaksi yang tinggi dalam kehidupan sosial.

3.3.2 AHLI KELUARGA

Apabila mengalami masalah ekonomi, bagi jumlah yang kurang dari \$1001 pilihan utama penduduk-penduduk kampung

ini adalah pinjam dari ahli keluarga. Pada jumlah yang lebih daripada ini, masih ada yang memilih untuk meminjam dari ahli keluarga. Akan tetapi, kebanyakan adalah menggunakan cara yang lain kerana mereka faham kemampuan ekonomi ahli-ahli keluarga masing-masing, iaitu jumlah yang lebih besar tidak mampu dipinjamkan oleh ahli-ahli keluarganya. Maka, pilihan pertama mereka bukan ahli-ahli keluarga lagi tetapi sumber-sumber lain seperti kutu atau peminjam wang berlesen.

Pinjaman yang dibuat dari ahli-ahli keluarga juga berdasarkan hubungan yang erat dengan mereka. Dengan adanya hubungan yang erat, hanya ahli-ahli keluarga rela beri pinjaman tanpa mengira faedah dan tentukan masa untuk bayar balik.

Selain daripada hubungan erat, sumber jenis ini digunakan juga kerana ingin tutup malu. Oleh kerana penduduk di sini memandangkan meminjam wang dari orang lain adalah sesuatu yang memalukan dan akan dipandang rendah. Oleh itu, apabila memerlukan wang mereka lebih cenderung meminjam dari ahli keluarga dahulu sebelum pinjam dari orang luar supaya tidak dipandang rendah oleh mereka.

Keadaan ini dapat diperhatikan dalam Jadual 3.1. Didapati bahawa pada jumlah pinjaman yang kurang daripada \$1001, kebanyakan responden meminjam dari ahli keluarga. Yakni, pada jumlah \$101 hingga \$500, 21 buah keluarga (77.8%) memilih sumber kredit ahli keluarga. Pada jumlah pinjaman \$501 hingga \$1000, 27 buah keluarga (64.3%) yang memilih sumber kredit yang sama. Akan tetapi, pada jumlah yang lebih besar iaitu mula dari \$1001 ke atas, responden-

responden lebih cenderung menggunakan sumber kredit yang lain terutamanya kaedah kutu.

3.3.3 RAKAN

Bagi orang yang tiada sumber pinjaman dari ahli keluarga, rakan merupakan salah satu sumber kredit yang penting di kampung ini. Ia merupakan pinjaman wang yang tidak mengenakan faedah di mana seseorang yang memberi pinjaman hanya meminjam kepada rakan baik sahaja. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa jenis kredit ini adalah sangat bergantung kepada hubungan antara seseorang dengan orang yang lain. Jika tiada hubungan peribadi yang erat, seseorang tidak akan memperolehi kredit jenis ini.

Kredit ini adalah sangat mudah di mana seseorang meminjam tidak perlu penjamin atau menggadai barang demi memperolehi pinjaman. Pinjaman adalah dibuat atas kepercayaan yang tinggi yang wujud di antara pihak pemberi pinjaman dan peminjam. Keadaan saling mempercayai ini adalah kesan dari interaksi yang tinggi dan lama.

Tidak seperti pinjaman dari bank atau institusi kewangan atau kutu, pinjaman dari rakan ini tidak mengira faedah atau tidak menentukan masa untuk membayar balik jumlah pinjaman. Dari temuramah dengan responden-responden, didapati bahawa tempoh untuk membayar balik adalah sesuka hati peminjam, yang merupakan rakan baik kepada pemberi pinjaman. Hutang tersebut akan dibayar balik bila peminjam tersebut ada wang. Akan tetapi, peminjam-peminjam kredit ini biasanya membayar balik dengan secepat yang mungkin kerana

menurut mereka, 'Apabila menjelaskan hutang dengan cepat, lain kali orang (pemberi pinjaman) lebih rela pinjam kepada kamu.' Keadaan ini sebenarnya bermaksud : seseorang peminjam sentiasa ingin menjaga 'nama baik'nya. Tambahan pula, dia sentiasa akan terasa terhutang budi kepada rakannya yang memberi pinjaman kepadanya. Oleh kerana hubungan yang erat di antara mereka, menyebabkan sihutang membayar hutangnya dengan cepat tanpa didesak oleh sipiutang.

Dari kajian, didapati bahawa masalah yang paling besar untuk membuat pinjaman dari rakan adalah malu dan merasa terhutang budi.

3.3.4 SUMBER KREDIT INFORMAL YANG LAIN

Selain daripada sumber-sumber kredit informal yang tersebut di atas, penduduk-penduduk di kampung ini juga menggunakan sumber kredit dari majikan, kedai runcit pajak gadai dan peminjam tidak berlesen. Akan tetapi bilangan keluarga yang menggunakan sumber-sumber kredit ini adalah sangat kurang.

Dalam Jadual 3.1, pada petak \$501 - \$1000 dan \$1001 - \$5000 menunjukkan hanya sebuah keluarga sahaja yang menggunakan jenis kredit dari majikan atau ketua tempat kerja. Kredit dari majikan merupakan sejenis kredit di mana pekerja meminjam wang dari pihak majikan. Lepas itu, ia dibayar balik secara menolak gaji pekerja tersebut beransur-ansur oleh pihak majikan. Pinjaman ini tidak mengira faedah.

Pinjaman dari kedai runcit termasuklah pinjaman wang atau pemberian kredit dari pihak-pihak peniaga kepada

pelanggan-pelanggannya yang lama dan boleh dipercayai. Pinjaman ini adalah berdasarkan hubungan sosial yang erat di antara pihak peniaga dan pihak pelanggan. Bila pihak peniaga telah lama mengenali dan dipercayai pelanggannya, baharu sanggup mereka memberi kredit. Biasanya, pinjaman yang diberi oleh pihak peniaga ini tidak mengira faedah dan tempoh pinjaman adalah singkat seperti beberapa hari atau satu minggu. Bagi pelanggan yang mengambil barangan secara kredit, kadang-kadang ada sebahagian pelanggan yang bayar selepas bulan atau beberapa bulan kemudian, kerana tidak mampu membayarnya. Pemberian kredit ini tidak disukai oleh pihak peniaga dan sering kali pelanggan tersebut dilayan buruk oleh peniaga.

Pada zaman sebelum 1970an, apabila penduduk tidak dapat kredit dari sumber informal, mereka akan guna kaedah pajak gadai. Barang kemas dan barangan yang bernilai digadai demi memperolehi barangan keperluan seharian. Sumber ini penting pada zaman dahulu tetapi tidak banyak lagi digunakan pada zaman ini kerana pendapatan dan taraf hidup penduduk telah meningkat.

Peminjam tidak berlesen juga merupakan sejenis sumber kredit yang terdapat dalam kampung ini. Peminjam-peminjam tidak berlesen di kampung ini hanya beri pinjaman kepada orang-orang yang dikenali oleh mereka sahaja. Orang yang tidak dikenali tidak dipinjam untuk mengurangkan risiko iaitu risiko wang tidak dapat dikutip balik kerana peminjam itu telah melarikan diri. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa, terdapat juga hubungan sosial yang wujud di antara peminjam

tidak berlesen dan peminjam-peminjam.

Selain daripada perlu mengenali peminjam, pihak memberi pinjaman tidak berlesen juga perlu peminjam menggadai sesuatu apabila buat pinjaman, seperti : geran tanah, saham-saham, barang-barang emas dan barang-barang yang bernilai. Faedah dikenakan ke atas pinjaman tersebut.

Pada umumnya penduduk-penduduk di sini hanya akan meminjamnya apabila tiada sumber kredit yang lain atau mereka memerlukan sejumlah wang dengan mendesak, seperti sakit dan menimpa kemalangan. Apabila menggunakan cara kredit ini, penduduk-penduduk akan membayar balik dengan cepat. Tempoh kredit mereka tidak akan melebihi tiga atau enam bulan, kerana semakin lama dipinjam, semakin tinggi faedah yang perlu dibayar. Tujuan meminjam dengan cara ini biasanya adalah untuk perbelanjaan kehidupan seharian, sebagai modal perniagaan (apabila perlu wang dengan cepat) dan untuk bayar hutang, terutamanya hutang yang akibat dari terkandas dalam perjudian.

3.3.5 BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN

Apabila seseorang ingin membuat pinjaman dari sumber kredit formal seperti bank, dia perlu ada seorang penjamin atau benda-benda yang bernilai untuk digadai kepada pihak pemberi kredit ini, seperti geran tanah dan saham-saham. Oleh itu, penduduk-penduduk yang menggunakan sumber kredit ini adalah mereka yang berada sahaja. Oleh kerana kebanyakan penduduk di sini berkedudukan sosial-ekonomi yang rendah,

maka mereka tidak mempunyai laluan kredit yang tinggi.

Jadual 3.1, pada petak \$1001 - \$5000 menunjukkan terdapat sebuah keluarga sahaja yang meminjam melalui bank. Manakala pada jumlah pinjaman yang melebihi \$5001, terdapat 8 keluarga (23%) dan 9 keluarga (26%) dari peminjam menggunakan bank dan peminjam wang berlesen. Akan tetapi, pada jumlah yang lebih kecil iaitu kurang daripada \$1000, tidak ada keluarga yang menggunakan sumber kredit ini. Ini bermaksud semakin besar jumlah pinjaman, semakin ramai orang pinjam dari sumber kredit formal. Ini berlaku kerana sumber-sumber informal tidak mampu memberi jumlah pinjaman yang begitu besar (kecuali kaedah kutu).

Bila tiada sumber kredit lain yang lebih baik, baharu penduduk pinjam dari sumber kredit formal. Ini adalah kerana ia lambat dan melibatkan banyak peraturan formal. Biasanya, penduduk-penduduk di sini meminjam dari sumber-sumber formal ini untuk membeli barangan yang lebih mahal seperti rumah, kereta, tanah, rumah kedai dan sebagai modal perniagaan. Dalam kampung ini, jarang ada orang yang meminjam untuk tujuan percutian, keraian, beli barang kemas dan beli peralatan rumah. Pinjaman adalah untuk tujuan pelaburan dan memiliki harta seperti beli rumah atau tanah.

3.4 SUMBER KREDIT BAGI PENIAGA

Kini, di Kampung Bahru Kahang mempunyai kira-kira 130 buah kedai yang beroperasi. Di antara kedai-kedai ini, beberapa buah telah dipilih untuk temuduga dalam kajian ini. Jadual 3.5 di bawah menunjukkan jenis-jenis dan bilangan

kedai yang ditemuduga :

| Jenis Kedai | Bilangan |
|---------------------------|----------|
| Kedai Runcit | 2 |
| Kedai Buah-buahan | 1 |
| Kedai Barangan elektrik | 1 |
| Kedai Racun Serangga | 1 |
| Kedai Basikal | 1 |
| Kedai Kopi | 1 |
| Kedai Barangan Tahan lama | 1 |
| Kedai Gunting Rambut | 1 |
| Jumlah | 9 |

Jadual 3.5 Jenis Dan Bilangan Kedai

Peniaga-peniaga di kampung ini menggunakan modal secara kecil-kecilan dan perniagaan adalah bercorak kekeluargaan. Pekerja di kedai biasanya merupakan ahli-ahli keluarga atau kawan majikan. Hubungan antara majikan dan pekerja adalah rapat dan baik. Di sini, perniagaan tiada satu sistem pentadbiran yang tetap. Pakar dalam pentadbiran perniagaan tidak digunakan.

Dari temuduga didapati bahawa sumber modal yang utama digunakan oleh peniaga kampung ini adalah datang dari simpanan sendiri, kutu dan peminjam berlesen. Sumber yang lain adalah seperti pinjam dari peminjam tidak berlesen, ahli keluarga dan rakan.

Oleh kerana perniagaan di sini adalah secara kecil-kecilan, maka ia tidak guna modal secara besar-besaran. Dengan itu, didapati bahawa semua peniaga yang ditemuduga mendapat kebanyakan modal mereka dari simpanan sendiri. Dari kajian didapati bahawa jumlah modal yang perlu pada zaman dahulu (tahun 1950an hingga 60an) adalah \$5000 - \$10000.

Bagi kedai yang dibuka kebelakangan ini, perlu modal sebanyak \$10,000 - \$20,000. Wang ini biasanya datang dari simpanan seharian sendiri, penjualan harta-benda seperti tanah dan saham-saham. Ini berlaku kerana sikap orang Cina yang tidak suka berbelanja besar sebab malu untuk berhutang dan takut terhutang budi.

Kutu juga merupakan satu sumber modal yang penting di sini. Jumlah satu syer bagi permainan kutu untuk tujuan perniagaan biasanya adalah kira-kira \$300 hingga \$500. Bagi permainan kutu yang lebih kecil, seperti \$100 satu syer, mereka akan kumpulkan wang kutu dalam beberapa kali permainan dalam kumpulan kutu yang berlainan dan dijadikan sebagai modal. Dari cara ini, jumlah yang dapat dikumpul boleh capai kira-kira \$10,000 atau lebih. Contohnya : satu syer \$400 dan mempunyai 25 syer dalam kumpulan kutu itu. Maka, jumlah wang kutu yang boleh didapati oleh seseorang adalah \$10,000 (sebelum tolak faedah).⁽⁵⁾

Satu lagi sumber modal yang penting ialah pinjaman dari peminjam berlesen. Peminjam wang berlesen yang ada di kampung ini adalah 'Public Finance Berhad'. Selain daripada pinjaman dari institusi ini, peniaga juga pinjam modal dari peminjam berlesen yang lain atau bank di kawasan lain. Kawasan yang paling utama adalah Bandar Kluang. Menurut pengurus 'Public Finance Berhad' Kahang, Encik Wong, didapati bahawa faedah bulanan yang dikira bagi pinjaman untuk berniaga adalah 11.25% atau 8% hingga 9% setahun.

Menurut peniaga-peniaga yang di temubual, mereka menggunakan sumber kredit ini apabila tidak ada cara lain

yang lebih baik untuk memperolehi pinjaman. Ini adalah kerana meminjam dengan kaedah ini mengambil masa yang panjang di mana perlu melibatkan banyak peraturan formal atau rasmi. Ia hanya dapat dipinjam oleh mereka yang memiliki harta-benda untuk digadai atau penjamin sahaja. Faedah tinggi juga perlu dibayar. Akan tetapi, meminjam dari sumber kredit ini tidak terhutang budi dan boleh dipinjam untuk jangka masa yang panjang.

'Bagi seorang peniaga, 'nama baik' adalah sangat penting', kata salah seorang responden⁽⁶⁾. Hampir semua peniaga yang ditemuduga setuju bahawa bila seseorang peniaga mempunyai 'nama baik', dia akan dapat tempoh kredit yang lebih lama dan mudah dari pihak pengeluar. Dengan ini, modal untuk beli barangan tidak begitu banyak diperlukan kerana dapat beli secara kredit.

Oleh itu, didapati bahawa dalam perniagaan, hubungan sosial yang baik juga diperlukan contohnya dalam memperolehi modal dengan kutu dan membeli barangan secara kredit dengan menggunakan 'nama baik'nya.

Dari jawapan responden, didapati mereka jarang pinjam dari ahli keluarga dan kawan untuk tujuan berniaga. Ini adalah kerana ahli keluarga dan kawan tiada jumlah yang begitu besar untuk dipinjamkan. Jika ada, juga tidak rela pinjam untuk jangka masa yang panjang.

Apabila berlaku kecemasan dalam urusanniaga, peniaga-peniaga juga akan pinjam dari peminjam wang tidak berlesen. Ini adalah kerana cara ini mudah dan cepat di mana tidak terlibat dalam peraturan-peraturan yang rumit, seperti perlu

melalui peguam, yang dilakukan oleh bank dan institusi kewangan.

Cara meminjam dari peminjam tidak berlesen ini hanya digunakan apabila tiada cara pinjaman dan sumber kredit yang lebih baik wujud, dan peniaga tersebut tahu dia akan pinjam untuk jangka masa pendek sahaja. Oleh itu, sumber modal peniaga di kampung ini kebanyakan datang dari simpanan sendiri, kutu dan peminjam berlesen atau bank. Ahli keluarga dan rakan bukan sumber utama kerana mereka tiada jumlah wang yang banyak untuk dipinjamkan. Tambahan lagi jika pinjam dari mereka, perlu bayar balik dalam masa yang singkat dan mungkin perlu bayar faedah. Selain daripada itu, ia juga terhutang budi. Oleh itu, sumber-sumber kredit tersebut tidak menjadi pilihan utama golongan peniaga.

NOTA :

- (1) Keluarga extended adalah meliputi dua ataupun lebih keluarga yang dihubungkan dengan pertalian darah tinggal di dalam sebuah rumah yang sama.
- (2) Keluarga nuklear adalah sesebuah keluarga yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak.
- (3) Bilangan orang yang paling biasa dalam sesebuah kumpulan kutu adalah 20 - 30 orang. Yang luar biasa boleh capai sehingga 50 orang.
- (4) Kira-kira pada tahun 1985 atau 1986, pernah berlaku satu kes 'lari kutu' di kampung ini. Puan Chia (bukan nama sebenar) merupakan seorang ketua kutu. Beliau menubuhkan kumpulan kutu kerana memerlukan wang untuk membayar hutangnya yang akibat dari kurang berjaya dalam perniagaannya. Selepas suatu kali permainan kutu, beliau melarikan diri dengan jumlah wang kutu tersebut tanpa serahkannya kepada seorang ahli kutunya yang patut dapatkan wang itu pada bulan tersebut. Lepas itu, tiada sesiapa yang tahu di mana beliau berada.
- (5) Sila rujuk lampiran III untuk cara bermain dan mengira jumlah yang boleh diperolehi dari kutu.
- (6) Dikata oleh majikan kedai jual racun serangga.

BAB 4**SIKAP DAN AMALAN KREDIT****4.1 SIKAP TERHADAP KREDIT**

Secara amnya boleh dikatakan bahawa penduduk di Kampung Bahru Kahang mempunyai sikap yang negatif terhadap kredit dalam membeli barangan konsumer. Ini bererti mereka tidak suka berhutang. Sikap demikian juga dapat dilihat dalam amalan mereka mendapatkan barangan seperti makanan, pakaian, perkakas-perkakas dalam rumah, barang kemas dan penggunaan wang untuk tujuan hiburan seperti percutian dan keraian.

Untuk mengetahui sikap para penduduk terhadap kredit, pengkaji telah mengemukakan beberapa soalan bersabit dengan sikap mereka terhadap hutang. Ini adalah untuk mengetahui dalam membeli pelbagai barangan konsumer, sama ada mereka bersikap patut bayar tunai atau patut berhutang. Ini dibuat melalui mengemukakan beberapa barangan dan perkhidmatan dan meminta responden memberi pandangan mereka tentang cara mereka memperolehi barangan tersebut. Dari kajian, didapati bahawa kebanyakan responden bersikap patut bayar tunai dalam membeli barangan tersebut kecuali rumah dan tanah yang harganya lebih mahal. Sila lihat Jadual 4.1.

Didapati selain daripada rumah dan tanah, kebanyakan responden bersikap patut bayar tunai dalam membeli barangan yang disenaraikan itu. Hanya beberapa buah keluarga yang bersikap patut berhutang dalam pembelian perabot, alat elektrik, baiki rumah dan semasa kecemasan. Bagi pembelian rumah dan tanah, kebanyakan responden iaitu 72% dan 68%

daripada mereka bersikap patut beli secara hutang. Ini adalah kerana kedua-duanya rumah dan tanah ini adalah mahal, lebih daripada \$10,000 dan tidak mampu dibayar dengan tunai. Oleh itu, bagi membeli barangan yang semahal itu, mereka bersikap patut berhutang.

Satu lagi sebab yang diberi oleh responden bahawa bersikap bayar tunai adalah kerana ingin mengelakkan siasatan dari Jabatan Hasil Dalam Negeri. Oleh kerana rumah dan tanah adalah mahal, jika dibeli dengan tunai, kemungkinan besar akan disyaki oleh pihak yang berkenaan bahawa mereka lari cukai. Dengan ini, mereka kata, jika ada wang tunai yang cukup, mereka juga akan beli secara kredit untuk elakkan masalah itu. Dari kajian ini pengkaji dapati bahawa untuk membeli barangan yang mahal seperti rumah dan tanah, penduduk di sini bersikap patut beli secara hutang manakala membeli barangan yang lebih murah daripada itu, mereka bersikap patut bayar tunai.

| Perkara | Sikap (Bilangan Keluarga) | | | Amalan (Bilangan Keluarga) | | |
|-----------|------------------------------|-------------|--------|-------------------------------|-----------|-------------------|
| | Patut Hutang | Patut Tunai | Jumlah | Hutang | Tunai | Jumlah |
| Makanan | 0 | 50(100%) | 50 | 3(6%) | 47(94%) | 50 |
| Pakaian | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Pelajaran | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Kesihatan | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Rumah | 36(72%) | 14(28%) | 50 | 11(40.7%) | 16(59.3%) | 27 ^(a) |
| Perabot | 2(4%) | 48(96%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Alat | | | | | | |
| Letrik | 3(6%) | 47(94%) | 50 | 4(8%) | 46(92%) | 50 |
| Keraian | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Percutian | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 48(100%) | 48 ^(b) |
| Tanah | 34(68%) | 16(32%) | 50 | 8(36.4%) | 14(63.6%) | 22 ^(c) |
| Baiki | | | | | | |
| Rumah | 2(4%) | 48(96%) | 50 | 5(12.2%) | 36(87.8%) | 41 ^(d) |
| Kenduri | | | | | | |
| Kahwin | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Barang | | | | | | |
| Kemas | 0 | 50(100%) | 50 | 0 | 50(100%) | 50 |
| Kecemasan | 1(2%) | 49(98%) | 50 | 5(10%) | 45(90%) | 50 |

Jadual 4.1: Sikap dan Amalan

- (a) 23 buah keluarga tiada amalan beli rumah. Mereka tinggal di rumah warisan nenek-moyang.
- (b) 2 buah keluarga tidak pernah amal percutian.
- (c) 28 buah keluarga tidak beli tanah.
- (d) 9 buah keluarga tidak pernah baiki rumah.

4.1.1 KESANGGUPAN KREDIT

Untuk mengetahui kesanggupan penduduk mengambil kredit, empat soalan andaian ditanya kepada mereka untuk melihat di bawah keadaan-keadaan tersebut, sanggupkah mereka lakukan kredit. Soalan-soalan andaian tersebut adalah :

Sanggupkah anda berhutang untuk :

- (1) Hantar anak belajar ke Universiti
- (2) Buat kenduri kahwin anak

- (3) Beli kedai
 (4) Beli alat rumah

Keputusannya ditunjukkan di Jadual 4.2

| Perkara | Bilangan Keluarga | |
|-----------------------------------|-------------------|---------------|
| | Sanggup Kredit | Tidak Sanggup |
| Hantar anak belajar ke universiti | 33(66%) | 17(34%) |
| Buat kenduri kahwin anak | 37(74%) | 13(26%) |
| Beli kedai | 13(26%) | 37(74%) |
| Beli alat rumah | 0(0%) | 50(100%) |

Jadual 4.2: Kesanggupan Kredit

Dari Jadual 4.2, didapati bahawa penduduk di kampung ini memang tidak sanggup berhutang untuk membeli alat rumah. Pernah pengkaji menanya mereka mengapa keadaan ini berlaku. Jawapan yang diberi adalah, 'Tak perlu berhutang untuk beli alat rumah. Kalau tiada wang, jangan beli. Jika alat itu simpel, boleh buat sendiri.'

Dari jadual, kita dapat tahu bahawa kebanyakan penduduk (74%) sanggup berhutang untuk buat kenduri kahwin anak. Ini merupakan satu sikap yang mementingkan perkahwinan anak yang telah wujud sejak zaman tradisi di keluarga masyarakat Cina. Perkahwinan anak dipandang penting kerana ia merupakan satu proses yang dapat membantu mengembangkan atau menambahkan bilangan ahli dalam keluarga. Dari perkahwinan anak, generasi yang baru iaitu cucu dapat dilahirkan dan ini bermaksud bilangan orang yang bernama keluarga (surname) yang sama akan bertambah. Dalam masyarakat Cina, semakin banyak cucu, semakin bertuah. Oleh itu, dari kajian ini didapati bahawa banyak keluarga yang memandang perkahwinan

anak adalah penting sehingga sanggup berhutang untuk buat kenduri kahwin untuknya. Ia dipandang jauh lebih penting daripada membeli alat rumah. Ini dapat dilihat dari membandingkan peratusan bilangan keluarga yang sanggup berhutang untuk membeli alat rumah, iaitu 0% dan untuk kenduri kahwin anak iaitu 74%.

Di kampung ini, pendidikan anak juga dipentingkan di mana mempunyai 66% daripada responden sanggup berhutang untuk hantar anak ke universiti. Apabila ditanya, mereka menjawab bahawa akan berhutang jika anak sanggup masuk universiti kerana ia memang merupakan satu perkara yang membanggakan. Walaupun mereka mempunyai taraf pendidikan rendah, tetapi mereka sanggup berhutang untuk meningkatkan taraf pendidikan anak mereka. Terdapat 34% daripada responden tidak sanggup ambil kredit untuk tujuan ini. Mereka mengatakan, bila keluarga tiada wang, berhutang untuk tujuan belajar ke universiti adalah membebankan keluarga dan kalau-kalau hutang itu tidak dapat dijelaskan, ini akan memburukkan lagi keadaan ekonomi keluarga.

Dari Jadual 4.2 juga didapati responden tidak berapa sanggup berhutang untuk tujuan beli kedai. Didapati hanya 26% daripada mereka sanggup berbuat demikian sahaja. Mereka yang tidak sanggup ambil kredit mengatakan bahawa, 'Bila tidak mampu, jangan beli. Apa nak buat jika tiada wang untuk bayar hutang itu?'

Oleh itu, didapati bahawa penduduk di kampung ini bersikap lebih mementingkan perkara yang dapat membanggakan sesebuah keluarga seperti perkahwinan anak dan masuk ke

universiti. Dalam hutang untuk tujuan lain, mereka sentiasa fikirkan sama ada hutang tersebut mampu atau tidak dibayar pada masa yang akan datang. Jika tidak yakin dapat membayarnya, maka tidak sanggup berhutang untuknya.

4.2 AMALAN KREDIT

Selain daripada bersikap patut bayar tunai dalam pembelian barangan konsumer, penduduk di sini juga beramalan tunai dalam pembelian tersebut. Jadual 4.1 telah menunjukkan bahawa, dalam senarai barangan dan keadaan tersebut, kebanyakan keluarga mengamalkan tunai. Hanya beberapa perkara yang diamal hutang oleh beberapa buah keluarga sahaja.

Dalam pembelian makanan harian, hanya 3 buah keluarga atau 6% daripada responden yang membeli secara kredit sahaja, di mana mereka membayar seminggu sekali atau bila-bila masa mereka ada masa untuk pergi ke kedai runcit itu untuk jelaskan hutangnya. Ketiga-tiga buah keluarga ini memang ada kebiasaan ini. Mereka berhutang bukan kerana tiada wang tetapi untuk kemudahan. Bagi responden yang amalkan tunai, pernah pengkaji menanya mereka mengapa berbuat begitu. Mereka menjawab bahawa kerana tiada kebiasaan untuk berhutang. Apabila masih belum jelas bayarannya, sentiasa merasai sesuatu perkara belum diselesai olehnya dan rasa tidak selesa. Oleh itu Jadual 4.1 menunjukkan 94% keluarga membayar tunai dalam pembelian makanan.

Dalam pembelian rumah, terdapat 11 daripada 27 keluarga

yang membeli rumah secara kredit iaitu 40.7% responden mengamalkan hutang. Enam belas buah keluarga (59.3%) lagi membayar tunai. Oleh kerana rumah adalah mahal, maka terdapat agak banyak keluarga (40.7%) yang mengamalkan hutang untuk membelinya kerana tidak mampu bayar tunai. Bagi 59.3% yang bayar tunai, merupakan rumah yang dibeli atau dibina pada masa dahulu (lebih kurang pada tahun 1960an hingga 70an), dimana harga atau kos yang diperlukan untuk beli atau bina rumah adalah murah. Dalam kajian ini, terdapat 23 buah keluarga yang tidak pernah membeli rumah. Mereka tinggal di rumah warisan ibu-bapa atau nenek-moyang.

Bagi alat elektrik, hanya terdapat 8% responden yang membelinya secara kredit. Responden yang lain iaitu 92% daripada mereka membeli secara tunai, dengan sendiri atau oleh anak-anak mereka. Alasan bagi responden-responden yang membeli secara kredit adalah berbagai-bagai. Kebanyakan alasan itu ialah, 'Tiada wang tunai yang begitu banyak', 'Saya sengaja beli secara sewa beli, kerana apabila bayaran belum jelas lagi, lebih mudah untuk memanggil ejen itu datang untuk memperbaiki alat tersebut jika terdapat apa-apa kerosakan padanya. Akan tetapi, setelah jelas hutang itu, ejen itu tidak rela datang lagi untuk memperbaiki alat tersebut apabila dipanggil.'

Jadual 4.3 menunjukkan beberapa jenis alat letrik dan cara bayaran yang dibuat oleh responden :

| Alat Letrik | Cara Membayar (Bilangan Keluarga) | | | |
|--------------------|-----------------------------------|-----------|-----------|--------|
| | Tunai | Sewa Beli | Ansuran | Jumlah |
| Televisyen | 37(75.5%) | 2(4.1%) | 10(20.4%) | 49 |
| Video | 8(80%) | 1(10%) | 1(10%) | 10 |
| HI-FI | 10(71.4%) | 2(14.3%) | 2(14.3%) | 14* |
| Mesin Basuh Kain | 23(85.2%) | 1(3.7%) | 3(11.1%) | 27 |
| Kipas Angin | 50(100%) | 0(0%) | 0(0%) | 50 |
| Mesin Buat Masakan | 42(100%) | 0(0%) | 0(0%) | 42 |
| Radio | 47(96%) | 0(0%) | 2(4%) | 49 |

*Sebuah keluarga lagi tidak tahu cara membelinya
Jadual 4.3: Cara Beli Alat Letrik

Dari Jadual 4.3, didapati bahawa kebanyakan responden membeli alat-alat letrik tersebut secara tunai terutamanya bagi alat letrik yang dianggap perlu dan murah, seperti kipas angin dan mesin buat masakan (100% responden beli secara tunai), radio dan mesin-mesin basuh kain (96% dan 85.2%).

Dalam kajian ini, hanya terdapat 22 buah keluarga yang pernah membeli tanah. Sila rujuk Jadual 4.1. Di antaranya 14 buah keluarga atau 63.6% keluarga responden membelinya secara tunai. Manakala 8 buah keluarga (36.4%) membelinya secara hutang. Di sini, keadaan hampir sama dengan membeli rumah, iaitu tanah juga adalah mahal. Oleh itu, didapati banyak keluarga (36.4%) yang tidak mampu bayar dengan tunai dan perlu dibeli secara kredit. Bagi 63.6% yang lain yang membeli secara tunai adalah beli pada masa tahun 1960an dan 70an iaitu semasa harga tanah adalah murah.

Untuk tujuan baiki rumah, terdapat kebanyakan keluarga mengamalkan tunai (87.8%). Hanya terdapat 12.2% keluarga responden yang pernah memperbaiki rumah secara hutang. (Sila rujuk Jadual 4.1). Mereka yang mengamalkan hutang memberitahu pengkaji bahawa hutang terpaksa diamalkan kerana rumah itu sudah rosak dan terpaksa diperbaiki. Kalau tidak, mereka tidak rela berhutang.

Dari 50 keluarga responden, hanya 5 keluarga yang pernah mengamalkan hutang dalam masa kecemasan. Empat puluh lima buah keluarga yang lain mengamalkan tunai.

Oleh itu, di sini didapati bahawa bagi barangan yang lebih mahal seperti tanah dan rumah, terdapat lebih banyak keluarga yang mengamalkan hutang kerana tidak mampu membayar tunai. Manakala bagi barangan selain daripada itu, kebanyakan keluarga mengamalkan tunai. Mereka yang mengamalkan hutang biasanya mempunyai alasan-alasan yang tertentu untuk berbuat demikian.

4.3 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI SIKAP DAN AMALAN

4.3.1 FAKTOR EKONOMI

Untuk mengamalkan kredit, seseorang dikehendaki mempunyai pendapatan yang tetap dan tinggi. Ini bermaksud dia patut menerima upah atau gaji pada tempoh masa dan jumlah yang tertentu. Pendapatannya mesti cukup untuk membayar balik hutangnya dan cukup untuk perbelanjaan keluarganya.

Kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja perkerjaan ekstraktif seperti petani, pekerja balak dan pembina rumah. Pendapatan mereka adalah tidak tetap kerana pekerjaan mereka sangat bergantung kepada cuaca. Iaitu apabila cuaca baik, mereka dapat bekerja dan cuaca buruk, mereka terpaksa berhenti. Contohnya : seorang penoreh getah tidak dapat menoreh pokok getah pada musim hujan. Apabila tidak bekerja, mereka tiada pendapatan.

Pendapatan mereka juga dipengaruhi oleh harga pasaran keluaran. Contohnya kelapa sawit. Apabila harga pasaran kelapa sawit naik, pendapatan mereka akan bertambah dan sebaliknya. Oleh itu, pendapatan penduduk di sini adalah tidak tetap di mana ia adalah mengikut harga pasaran.

Secara amnya, penduduk di sini juga tiada pendapatan yang tinggi. Kebanyakan mereka berpendapatan di antara \$101-\$1000 sebulan bagi seorang suami, isteri atau kedua-dua suami dan isteri. Jadual 4.4 menunjukkan keadaan pendapatan penduduk di kampung ini.

| Pendapatan(\$) | Bilangan | | |
|----------------|----------|--------|----------|
| | Suami | Isteri | Keluarga |
| <100 | 0 | 1 | 0 |
| 101 - 1000 | 18 | 24 | 3 |
| 1001 - 1500 | 14 | 1 | 1 |
| 1501 - 2000 | 6 | 1 | 0 |
| 2001 - 2500 | 0 | 0 | 2 |
| 2501 - 3000 | 1 | 0 | 0 |
| 3001 - 3500 | 0 | 0 | 0 |

Jadual 4.4: Pendapatan Dari Pekerjaan Utama

Dari Jadual 4.4, didapati bahawa tiada seorang atau

sebuah keluarga yang berpendapatan (dari pekerjaan utama mereka, yang mana beri pendapatan yang paling tinggi) melebihi \$3001 sebulan. Setelah tolak perbelanjaan harian keluarga dan tanggungan keluarga, wang yang baki adalah tidak banyak lagi. Jadual 4.5 menunjukkan keadaan tanggungan keluarga di kampung ini :

| Bilangan Tanggungan | Bilangan Keluarga | |
|------------------------|----------------------------|-----------------|
| | Anak yang masih ditanggung | Tanggungan Lain |
| 0 | 11 (22%) | 41 (82%) |
| 1 | 12 (24%) | 8 (16%) |
| 2 | 11 (22%) | 1 (2%) |
| 3 | 7 (14%) | 0 - |
| 4 | 8 (16%) | 0 - |
| 5 | 1 (2%) | 0 - |
| Jumlah | 50 (100%) | 50 (100%) |

Jadual 4.5: Tanggungan Keluarga

Dari Jadual 4.5, didapati bahawa 39 buah keluarga (78%) mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak yang masih perlu ditanggung. Hanya 22% daripada keluarga yang tiada beban tanggungan ini. Sebahagian kecil penduduk di sini (18%) perlu menanggung tanggungan yang lain pada setiap bulan. Tanggungan tersebut termasuklah menanggung kehidupan ibu-bapa, datuk nenek atau orang gaji. Ini bermaksud dalam kebanyakan keluarga di sini, sebahagian pendapatan mereka perlu digunakan untuk menanggung anak-anak dan tanggungan lain. Tanggungan-tanggungan ini telah mengurangkan pendapatan boleh guna penduduk. Ini bermaksud semakin kurang wang yang dapat digunakan untuk bayar hutang. Bagi keluarga-keluarga di kampung ini yang berpendapatan rendah,

pendapatan menjadi tidak cukup untuk bayar hutang selepas menolak tanggungan dan perbelanjaan kehidupan.

Kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja sebagai petani atau pekerja yang menjual tenaga (iaitu bukan majikan). Oleh itu, mereka dieksploit oleh pihak majikan atau orang tengah. Ini menyebabkan pendapatan mereka tidak tinggi. Oleh kerana pendapatan yang tidak tetap dan tidak tinggi, maka pembelian barangan secara kredit tidak sesuai dilakukan oleh penduduk di kampung ini. Ia menyebabkan mereka berasa takut untuk berhutang kerana bimbang kalau-kalau tidak dapat wang untuk bayar balik hutang tersebut. Maka, didapati kebanyakan keluarga di sini bersikap dan beramalan tunai dalam pembelian barangan konsumer.

Dari kajian, didapati kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja dengan pihak swasta atau bekerja pekerjaan sendiri. Jadual 4.6 menunjukkan keadaan ini :

| Pekerjaan | Bilangan orang | | Jumlah |
|-----------|----------------|--------|--------|
| | Lelaki | Wanita | |
| Swasta | 27 | 7 | 34 |
| Sendiri | 15 | 16 | 31 |
| Kerajaan | 1 | 0 | 1 |
| Jumlah | 43 | 23 | 66 |

Jadual 4.6: Kebanyakan Penduduk Bukan Kakitangan Kerajaan

Dari Jadual 4.6, didapati di antara 66 orang yang bekerja, hanya seorang sahaja yang merupakan kakitangan kerajaan. 65 orang yang lain bukan merupakan kakitangan kerajaan, iaitu 34 orang bekerja dengan pihak swasta dan 31

orang bekerja dengan sendiri.

Oleh kerana kebanyakan penduduk di sini bukan kakitangan kerajaan, maka sumber kredit formal mereka adalah amat terbatas. Mereka tidak dapat sumber kredit atau pinjaman dari kerajaan untuk pembelian kereta, rumah dan tanah. Sumber kredit formal mereka adalah terhad kepada bank, peminjam berlesen dan institusi kewangan yang lain yang akan dikenakan faedah tinggi ke atas pinjaman mereka. Untuk meminjam dari sumber-sumber kredit ini, seorang peminjam mesti memenuhi beberapa syarat iaitu mesti mempunyai harta untuk digadai atau mempunyai seorang penjamin. Ini bermaksud orang yang tiada harta atau penjamin tidak dapat sumber kredit ini.

Sumber kredit informal seperti kutu, ahli keluarga, rakan dan peminjam berlesen, adalah tidak terjamin dan tidak pasti dapat pinjaman dari mereka. Oleh kerana sumber kredit penduduk di kampung ini adalah terhad dan tidak terjamin, maka mereka merasa takut untuk berhutang kerana takut tidak mampu bayar.

Sikap dan amalan pembayaran tunai dalam pembelian barangan konsumer dapat mengatasi perasaan 'takut' atau 'rasa tidak selamat' yang dirasakan oleh penduduk di kampung ini. Dengan membayar tunai, mereka rasa selamat dan tidak perlu bimbang tiada sumber kredit untuk membayar. 'Merasa selamat' merupakan suatu keperluan dalam masyarakat ini. Dengan perkataan lain, budaya pembayaran tunai telah berfungsi untuk memenuhi keperluan masyarakat ini iaitu 'rasa selamat dan terjamin'.

4.3.2 FAKTOR SOSIAL

Dalam kampung ini, kebanyakan penduduk berpendidikan rendah. Mereka bekerja sebagai petani, pekerja balak, pembina rumah dan pekerjaan pengangkutan. Dengan perkataan lain, mereka berkedudukan sosial yang rendah. Kedudukan sosial yang rendah telah menyebabkan laluan kredit mereka rendah. Semakin tinggi kedudukan status seseorang, semakin tinggi laluan kreditnya. Maka, sumber-sumber kredit formal seperti bank, institusi kewangan dan peminjam berlesen tidak berapa suka beri pinjaman kepada mereka yang berkedudukan sosial rendah ini kerana takut mereka tidak mampu bayar. Kesukaran dalam mencari pinjaman ini menyebabkan penduduk-penduduk di sini lebih suka mengamalkan tunai.

Pandangan sosial, juga merupakan satu faktor yang menyebabkan seseorang itu mengamalkan tunai. Dalam kampung ini, orang yang banyak amalkan hutang akan beri imej yang buruk kepada orang ramai. Ini akan menjejaskan 'nama baik'nya. Apabila dia benar-benar perlu wang pada masa kecemasan, orang ramai tidak suka meminjamkan kepadanya kerana takut dia tidak mampu bayar di mana memandangkannya telah mempunyai banyak tanggungan hutang. Pandangan yang negatif kepadanya menjejaskan peluang pinjamannya pada masa yang akan datang terutamanya pada masa kecemasan. Dengan sebab ini, penduduk di sini tidak suka amalkan kredit dalam pembelian barangan konsumer biasa. Kredit hanya digunakan apabila perlu sahaja.

4.4 MASALAH

4.4.1 MASALAH PEMINJAM

Dari kajian, didapati bahawa terdapat beberapa masalah yang dialami oleh kebanyakan penduduk di kampung ini dalam membuat pinjaman sama ada dari sumber kredit formal atau informal.

Dalam membuat pinjaman dari sumber kredit formal, kebanyakan penduduk di sini mengadu bahawa mereka perlu bayar faedah yang menyebabkan tanggungan mereka lebih berat lagi. Faedah telah menekan atau mendesak mereka membayar dengan cepat supaya tidak dikenakan faedah yang lebih tinggi. Oleh itu, ia merupakan satu tekanan kepada peminjam-peminjam.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh penduduk di sini dalam membuat pinjaman dari sumber formal adalah mereka terpaksa mencari seorang penjamin atau mempunyai harta untuk digadai kepada pihak pemberi pinjaman. Bagi mereka yang ingin meminjam wang tetapi tidak memenuhi syarat ini, memang merupakan satu masalah kepada mereka. Dengan ini, mereka terpaksa mencari sumber kredit yang lain yang merupakan sumber kredit informal. Dalam setengah-setengah sumber kredit informal, penjamin dan barangan untuk digadai tidak diperlukan. Ini telah membolehkan mereka dapat pinjaman.

Untuk meminjam dari sumber-sumber kredit formal masa yang panjang diperlukan. Seseorang peminjam terpaksa memohon dari pihak pemberi pinjaman dan kadang-kala perlu jumpa dengan pegawai atasan (seperti pengurus bank) beberapa kali.

Setelah setuju diberi pinjaman, berbagai-bagai jenis borang dan perjanjian perlu ditandatangani. Tambahan pula peminjam dikehendaki membayar bayaran perkhidmatan atau bayaran-bayaran yang dibelanjakan dalam mengendalikan permohonan pinjaman peminjam itu. Di sini, bukan sahaja memakan masa yang panjang tetapi juga perlu berbelanja berlebihan dan guna tenaga yang banyak. Masalah ini telah menyebabkan penduduk di sini tidak suka meminjam dari pihak sumber kredit formal. Maka, sumber informal seperti pinjam dari keluarga dan kutu lebih dilakukan.

Akan tetapi, meminjam dari sumber kredit informal juga akan mengalami berbagai-bagai masalah. Dari kajian, didapati bahawa masalah yang paling ketara dialami oleh penduduk kampung ini dari meminjam dari sumber kredit informal adalah malu. Pernah ada responden mengata bahawa apabila meminta orang lain membantu dalam bentuk kewangan, perasaan itu adalah seperti meminta sedekah, malu dan sakit hati. Perasaan ini lebih nyata lagi apabila permintaan tersebut ditolak dan diejek oleh orang lain.

Untuk meminjam dari sumber kredit informal, hubungan sosial yang baik dengan orang lain adalah sangat penting. Apabila tidak ada hubungan yang baik, tidak akan dapat kredit. Ini adalah merupakan satu masalah kredit yang ditemui oleh sebahagian penduduk di sini. Oleh itu, mereka hanya dapat meminjam dari ahli keluarga sendiri sahaja.

Apabila terlalu banyak kali meminjam dari orang lain, mereka tidak lagi sudi beri pinjaman lagi. Peminjam dipandang rendah dan tidak dilayan oleh pemberi pinjaman itu

apabila ingin pinjam lagi.

Untuk membayar hutang-hutang, penduduk-penduduk di kampung ini mengalami masalah tidak dapat wang untuk bayar balik. Jika ini berlaku mereka akan terus berhutang sehingga mampu bayar balik. Oleh kerana kebanyakan pemberi pinjaman adalah rakan dan ahli keluarga atau orang kenalan, maka peminjam-peminjam di sini tidak mengalami masalah yang ditimbul oleh pemberi kredit.

4.4.2 MASALAH PEMBERI PINJAMAN

Bagi pihak pemberi pinjaman, mereka juga mengalami masalah. Masalah mereka yang paling utama adalah peminjam tidak mampu bayar dan pemberi pinjaman itu sebagai rakan atau saudara-mara peminjam, merasa malu dan tidak sampai hati untuk memaksa peminjam itu memulangkan wang tersebut. Oleh itu, apabila peminjam tidak mampu bayar, pemberi peminjam akan mengalami kerugian.

Satu lagi masalah yang ditemui oleh pemberi pinjaman informal adalah mereka mengalami kerugian apabila sihutang itu melarikan diri dengan wang pinjaman itu. Masalah ini pernah ditemui dalam cara kredit kutu, di mana rakan kutu atau ketua kutu 'lari kutu'.

Pemberi pinjaman informal di kampung ini juga mengalami masalah bahawa tiada satu undang-undang melindungi mereka untuk menuntut balik wang mereka. Oleh itu, mereka sentiasa bimbang wang yang dipinjamkan tidak dapat dikutip kembali. Oleh sebab itu, pihak pemberi pinjaman ini juga tidak memberikan pinjaman dengan mudah.

BAB 5

PENUTUP

Dalam kajian ini, tujuan utama yang hendak dilihat oleh pengkaji adalah sikap dan amalan kredit penduduk-penduduk Kampung Bahru Kahang. Kajian ini juga mencakupi beberapa tujuan khusus iaitu pola kegunaan kredit, sumber kredit, jaringan hubungan sosial dan kaitannya dengan penggunaan kredit. Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap dan amalan kredit, masalah-masalah yang berbangkit juga dikaji.

Bagi sumber kredit, tumpuan diberi kepada sumber formal dan informal. Kajian cuba melihat bagaimana kehidupan sosial-ekonomi mempengaruhi kegunaan kedua-dua sumber kredit ini. Kajian ini cuba melihat bagaimana hubungan sosial memainkan peranan dalam mempengaruhi penggunaan kredit.

Hasil dari kajian menunjukkan penduduk kampung bahru ini mempunyai hubungan sosial yang baik. Penduduk-penduduk tinggal sekampung dan mengalami sejarah yang sama, iaitu mereka dipaksa dipindahkan dari tempat tinggal asal mereka ke tempat baru semasa zaman darurat iaitu pada tahun 1948. Kepahitan hidup dan susah payah semasa zaman awal pemindahan ke kawasan baru dialami bersama. Ini merupakan pengikat yang kukuh di kalangan penduduk. Proses pemindahan merupakan titik sejarah penting yang mengikat penduduk-penduduk di sini. Unsur senasib ini telah menimbulkan perasaan kekitaan yang kuat di kalangan mereka.

Akibat penempatan semula, penduduk-penduduk Cina yang berlainan katurunan seperti Hokkien, Kwangtung, Khek dan

Hainan dikumpul hidup bersama-sama di bawah satu kampung. Melalui masa, timbul proses akulturasi, terutama dalam bahasa mereka, di mana bahasa minoriti diresap ke dalam bahasa majoriti iaitu Hokkien. Oleh itu, wujud hubungan sosial yang sangat rapat.

Hubungan antara ahli-ahli keluarga dalam sesebuah keluarga juga rapat. Sejak kecil lagi, ahli-ahli keluarga hidup bersama-sama. Mereka saling menolong, mengatasi masalah, bersuka dan berduka bersama-sama.

Hubungan sosial yang rapat dan baik ini telah diterjemahkan dalam penggunaan kredit. Oleh itu, pola kredit mempunyai hubungan dengan sejarah, perasaan senasib dan perasaan kekitaan mereka. Ini boleh menentukan sumber untuk mereka mendapat kredit dari saudara-mara mahupun jiran dan sahabat.

Didapati dalam pembelian barangan konsumer yang lebih murah seperti barangan elektrik, perabot, peralatan dapur dan bahan makanan, penduduk-penduduk lebih suka membayar tunai. Manakala dalam pembelian barangan konsumer yang lebih mahal seperti rumah dan tanah, baru mereka gunakan cara kredit. Ini adalah kerana mereka tiada wang tunai yang banyak untuk membeli barangan yang mahal ini, yang biasanya lebih daripada \$10,000. Mereka mempunyai sikap tidak suka hutang bagi barangan yang mereka tidak perlu seperti peti sejuk, mesin basuh dan pencuci hampa gas. Barangan ini hanya dibeli apabila ada wang atau dibeli oleh anak-anak (yang telah bekerja) sebagai hadiah kepada ibu-bapa. Dari kajian, didapati mereka tidak sanggup mengambil kredit untuk

barangan konsumer biasa seperti peralatan dapur dan juga tidak sanggup ambil kredit untuk pelaburan seperti membeli kedai. Mereka berpendapat bahawa : 'jangan beli jika tidak sanggup beli.' Akan tetapi, mereka sanggup mengambil kredit untuk perkara-perkara yang dapat membanggakan keluarga seperti anak memasuki universiti dan perkahwinan anak.

Didapati sumber kredit yang paling penting di kalangan penduduk di sini adalah sumber kredit informal seperti kredit dari kutu, rakan dan ahli-ahli keluarga. Ini berlaku kerana hubungan sosial adalah baik seperti yang telah dinyatakan. Penduduk-penduduk saling mempercayai dan saling bantu-membantu. Oleh itu, dalam kebanyakan kredit jenis ini, faedah tidak dikira kecuali kaedah kutu. Ini bermaksud dalam membuat pinjaman dari sumber informal dari saudara atau kawan, seseorang peminjam tidak perlu bayar faedah. Ini merupakan salah satu kebaikan meminjam dari sumber informal. Akan tetapi, membuat pinjaman secara ini menyebabkan seseorang itu sangat berhutang budi. Oleh demikian, ramai responden lebih suka beli secara tunai dan tidak suka membeli secara kredit.

Didapati bahawa kredit dari sumber informal ini kebanyakan berlaku pada jumlah yang kecil iaitu kurang daripada \$1,000. Bagi kredit dalam jumlah yang lebih besar iaitu lebih daripada \$1,000, penduduk-penduduk di sini lebih cenderung meminjam dari sumber kredit formal seperti bank dan institusi kewangan. Keadaan ini berlaku adalah kerana penduduk-penduduk di sini berpendapatan rendah, maka mereka tidak mampu beri jumlah kredit yang tinggi. Kebanyakan

mereka bekerja sebagai petani dan pendapatan tidak tinggi dan tidak tetap. Pekerjaan mereka sangat bergantung kepada cuaca iaitu apabila cuaca baik, mereka dapat kerja dan sebaliknya apabila cuaca buruk, mereka tidak bekerja dan ini menjejaskan pendapatan mereka. Sebagai petani, mereka sering ditindas oleh orang tengah dan harga hasilan komoditi mereka juga bergantung kepada harga pasaran antarabangsa. Oleh sebab itu, kebanyakan mereka kurang berada dan tidak dapat beri pinjaman dalam jumlah yang besar kepada kawan atau ahli-ahli keluarga mereka.

Oleh kerana sumber kredit informal yang tidak dapat jumlah kredit yang besar, maka apabila penduduk-penduduk memerlukan wang yang lebih besar jumlahnya (lebih daripada \$1,000), dikehendaki mengambil kredit dari sumber kredit formal seperti bank, institusi kewangan dan pemijam wang berlesen. Akan tetapi, ada halangan bagi mereka membuat kredit dari sumber jenis ini. Untuk kredit dari sumber formal ini, seseorang perlu mempunyai penjamin atau barangan yang bernilai untuk digadaikan seperti geran tanah dan saham-saham. Akan tetapi, penduduk-penduduk di sini mengalami masalah tiada penjamin dan barangan yang bernilai untuk digadaikan kepada pihak bank. Kebanyakan penduduk bekerja sendiri atau bekerja kepada pihak swasta. Taraf pendidikan mereka rendah dan kebanyakan bekerja sebagai petani. Oleh kerana mereka mempunyai pendapatan yang rendah dan tidak tetap serta status sosial yang rendah, maka ini menyebabkan laluan untuk meminjam dari sumber formal adalah rendah. Ini bererti mereka tidak dapat pinjaman dari pihak

bank.

Oleh kerana terdapat halangan untuk mendapat kredit dari sumber formal, maka semasa kesesakan ekonomi dan jumlah yang diperlukan banyak, sumber yang paling penting bagi mereka adalah sumber kredit informal yang meminjam dari ahli keluarga dan rakan. Untuk memperolehi kredit dari sumber informal ini, mereka tidak perlu gadai barangan berharga atau tandatangani sebarang dokumen seperti apa yang perlu dilakukan di bank. Selain daripada itu, mereka tidak ditentukan masa untuk membayar balik dan tidak perlu bayar faedah. Oleh itu, sumber kredit informal ini sangat penting di kampung ini. Akan tetapi, jumlah yang dapat dipinjam dari ahli keluarga dan rakan adalah terhad.

Oleh kerana tidak dapat jumlah kredit yang banyak dari ahli-ahli keluarga dan rakan, maka apabila dalam keadaan yang mendesak, mereka juga akan mendapatkan wang dari 'loan shark' (peminjam jerung). Oleh kerana perlu bayar faedah tinggi, perlu gadai barangan bernilai dan jika tidak mampu bayar, kemungkinan pihak pemberi pinjaman akan melakukan sesuatu yang merbahayakan sihutang, maka penduduk-penduduk di sini cuba mengelakkan kredit dengan cara ini kecuali kaki judi. Biasanya orang ramai akan mendisiplinkan diri di mana mereka berhati-hati dalam hal kewangan supaya tidak perlu berhutang.

Di antara sumber kredit informal, kaedah kredit secara kutu adalah paling biasa dilakukan oleh penduduk-penduduk di sini. Dari kajian, didapati hampir setiap keluarga di sini pernah main kutu dan berpendapat bahawa kutu lebih baik

daripada hutang kerana ia tidak melibatkan terhutang budi jika dibandingkan dengan berhutang. Didapati dari satu kali permainan kutu, jumlah wang yang boleh didapati adalah agak banyak iaitu kira-kira \$2,000 hingga \$5,000. Oleh kerana taraf hidup rendah di kampung ini, maka mereka tidak perlu begitu banyak wang. Jumlah wang kutu sebanyak \$2,000 hingga \$5,000 adalah cukup tinggi bagi mereka membeli barangan konsumer biasa seperti barangan elektrik.

Walau pun penggunaan kredit informal lebih dipentingkan di kampung ini, tetapi ada halangannya juga iaitu didapati kebanyakan orang mengalami masalah terhutang budi dan malu : Pada zaman dahulu (sebelum 1970an), apabila penduduk tidak dapat kredit dari sumber informal, mereka akan guna sumber formal yang popular pada zaman itu iaitu pajak gadai. Barang kemas dan barangan yang bernilai digadai demi memperolehi barangan keperluan seharian. Sumber ini penting pada zaman dahulu. Akan tetapi ia telah tidak banyak lagi digunakan di zaman ini kerana pendapatan penduduk telah meningkat.


Dari kajian, didapati bagi golongan peniaga, mereka mendapat modal secara amalan yang sama iaitu simpanan sendiri, kutu dan sumber kredit formal. Akan tetapi, rakan-rakan dan ahli-ahli keluarga bukan sumber kredit utama mereka. Ini adalah kerana rakan dan ahli keluarga tidak sanggup pinjamkan jumlah yang begitu besar dan tidak sudi pinjam untuk jangka masa yang panjang. Tambahan pula, meminjam bagi mereka adalah melibatkan konsep terhutang budi.

Sikap penduduk di kampung ini memang tidak suka berhutang. Ini adalah kerana menurut mereka, untuk kredit dari sumber formal, perlu bayar faedah, penjamin atau harta digadai, perlu tunggu lama dan bayaran lebih dikenakan. Jika meminjam dari sumber informal pula, mereka akan merasa malu, dipandang rendah, terhutang budi dan sumbernya terhad. Oleh itu, mereka lebih mendisiplinkan diri dalam urusan wang di mana mengamalkan cara simpan sendiri atau berketu untuk mendapatkan wang. Mereka lebih mengamalkan tunai dalam pembelian barangan konsumer. Beli secara kredit akan menyebabkan mereka merasa takut dan bimbang sama ada sanggup bayar dalam masa yang ditentukan dan ianya merupakan sejenis beban.

Bagi pihak pemberi pinjaman informal di sini, mereka mengalami masalah tiada satu undang-undang untuk melindungi mereka untuk menuntut balik wang mereka. Oleh itu, mereka sentiasa bimbang wang yang dipinjamkan kepada rakan atau ahli-ahli keluarganya tidak dapat dikutip balik. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh mereka adalah : oleh kerana wang itu dipinjamkan kepada rakannya atau ahli keluarga sendiri, maka adalah segan bagi mereka untuk menuntut kembali wang tersebut setelah beberapa kali mencuba membuat tuntutan. Keadaan ini membimbangkan pihak pemberi pinjaman. Oleh sebab itu, pihak pemberi pinjaman ini juga tidak memberi pinjaman dengan mudah.

Hasil penemuan kajian boleh dirumuskan bahawa perkara yang penting dalam kajian ini adalah berkenaan dengan laluhan kredit yang wujud di kalangan penduduk di sini. Keadaan-

keadaan yang wujud di kalangan penduduk seperti taraf pendidikan, pendapatan, pekerjaan dan status sosial menentukan laluan untuk mendapat kredit. Rajah 5.1 menunjukkan suatu gambaran laluan penduduk.



Rajah 5.1: Gambaran Yang Menunjukkan Laluan Kredit Penduduk

Semakin tinggi pendidikan, pendapatan status sosial dan status pekerjaan, semakin besar laluan untuk memperolehi kredit iaitu semakin mudah memperolehi pinjaman.

Bagi pihak peminjam, pelbagai halangan yang ternyata di atas, seperti malu dan rasa terhutang budi, telah menyebabkan orang ramai tidak suka berhutang.

Bagi pihak pemberi pinjaman pula, pelbagai halangan seperti tiada undang-undang sah yang melindungi kepentingan mereka dan hubungan mereka dengan peminjam yang begitu rapat, menyebabkan kesukaran dalam mengambil kembali wang mereka. Dengan kata lain, mereka mengalami risiko kerugian untuk memberi pinjaman kepada orang lain. Dengan sebab itu, pihak pemberi pinjaman juga tidak memberi pinjaman kepada orang lain dengan mudah. Dengan ini, laluan bagi penduduk

untuk dapat kredit semakin sempit. Perkara ini mempengaruhi pola dan sumber kegunaan kredit.

Maka, dari kajian ini didapati bahawa penduduk-penduduk lebih mengamalkan tunai dalam pembelian barangan konsumer kerana laluan kredit mereka sangat rendah. Bagi sumber kredit formal, akibat daripada status sosial mereka yang rendah, pendapatan yang rendah dan tidak tetap serta pendidikan yang rendah di mana tidak faham bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia untuk membaca dokumen-dokumen rasmi, menyebabkan pihak bank tidak mahu beri pinjaman kepada mereka dan mereka sendiri juga tidak berani untuk meminjam dari sumber ini.

Bagi sumber kredit informal, masalah-masalah yang dialami oleh pihak pemberi pinjaman yang tersebut di atas, menyebabkan pemberi pinjaman tidak memberi kredit dengan mudah kepada orang lain. Ini mengurangkan lagi peluang penduduk mendapat kredit. Semua ini menyebabkan penduduk memang dalam keadaan kekurangan laluan untuk kredit. Maka untuk mengatasi masalah ini, mereka kurang mengamalkan kredit. Mereka mendisiplinkan diri dalam urusan wang supaya tidak berhutang. Mereka takut untuk berhutang kerana bimbang sama ada sanggup bayarnya dalam masa yang akan datang memandangkan laluan kredit mereka begitu terhad.

Sikap dan amalan pembayaran tunai dalam pembelian barangan konsumer dapat mengatasi perasaan 'takut' dan 'bimbang' yang dirasakan oleh penduduk di kampung. Dengan bayar tunai, mereka merasa selamat dan tidak perlu bimbang tiada sumber kredit untuk membayar. Merasa selamat merupakan

suatu keperluan dalam masyarakat ini. Dengan kata lain, budaya pembayaran tunai telah berfungsi untuk memenuhi keperluan masyarakat ini iaitu rasa selamat dan terjamin.

University of Malaya

Buku-buku :

Abdullah Taib
1985

Ahmad Mahzan Ayob
1983

Bailey, Kenneth D.
1984

Cheu Hock Tong
1980

Firth, R.

Haralambos M. and
Holborn M.
1990

Malinowski, Bronislaw
1960

_____,
1983

Nyce, Ray
1973

Radcliffe Brown, A.R.
1952

Sandhu, Kernial Singh
1964

Shanin, Teodor
1975

Sills, David L.
1968

Wan Hashim
1980

BIBLIOGRAFI

Asas-Asas Antropologi; Kuala Lumpur :
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi :
Satu Pengenalan; Tesis Ph.D.

Kaedah Penyelidikan Sosial; Kuala
Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kultus Roh Orang Cina di Malaysia;
Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan
dan Kemanusiaan.

Malay Fishermen : Their Peasant
Economy; London : Routledge and
Kegan Paul.

Sociologi : Themes and Perspectives;
Unwin Hyman Limited.

A Scientific Theory of Culture and
Other Essays ; N.Y.: Galaxy Books.

Dinamik Bagi Perubahan Budaya :
Satu Penyiasatan Mengenai
Perhubungan Ras di Afrika; K.L :
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chinese New Village in Malaya : A
Community Study; Malaysian
Sociological Research Institute.

Structure and Function in Primitive
Society; Glencoe : Free Press.

Emergency Resettlement in Malaya.
Journal of Tropical Geography,
vol 18, August 1964; Singapore :
Dept. of Geography, University of
Singapore.

Peasants and Peasant Societies;
Penguin Books.

International Encyclopedia of the
Social Sciences, vol 7; Collier-
Macmillan Publishers, London.

Kaedah Penyelidikan Sosial : Suatu
Rampaian Esai Masalah Kajian Luar;
K.L : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wolf, Eric R.
1966

Peasants; New Jersey : Prentice
Hall.

Tesis-tesis :

Lim Aik Soon
1983/84

A Social Economic Study of Chinese
New Village; Jabatan Antropologi dan
Sosiologi, Universiti Malaya.

Lim Cheng Yew
1986/87

Pasaraya dan Hubungannya Dengan
Corak Hidup Bandar : Satu Kajian di
Alor Setar; Jabatan Antropologi dan
Sosiologi, Universiti Malaya.